



**UCAPAN BAJET 2022  
NEGERI MELAKA**

# **KANDUNGAN**

## **MUKADIMAH**

## **PENGHARGAAN KEPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN**

## **PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI - MELAKAKU MAJU JAYA 2021: SEJAHTERA BERSAMA**

## **PRESTASI DAN CABARAN EKONOMI 2021**

## **BAJET 2022: STABIL MELAKA, MAKMUR BERSAMA**

### **FOKUS 1: KESEJAHTERAAN RAKYAT**

#### **Strategi 1 Menyantuni Kebajikan Rakyat**

- |              |   |
|--------------|---|
| Inisiatif 1  | Bantuan Melakaku Sejahtera                |
| Inisiatif 2  | Kemudahan Kesihatan Awam                  |
| Inisiatif 3  | Pendidikan Anak Melaka                    |
| Inisiatif 4  | Belia Tonggak Masa Hadapan                |
| Inisiatif 5  | Pembangunan Masyarakat Orang asli         |
| Inisiatif 6  | Memperkasa Golongan Orang Kelainan Upaya  |
| Inisiatif 7  | Menjamin Masa Depan Anak-Anak             |
| Inisiatif 8  | Wanita Bahagia, Keluarga Sejahtera        |
| Inisiatif 9  | Menyantuni Warga Emas                     |
| Inisiatif 10 | Anak Guru dan Veteran Tentera serta Polis |

**Strategi 2 Menyediakan Kemudahan Awam Berkualiti**

Inisiatif 1 Utiliti dan Kemudahan Awam Berkualiti

Inisiatif 2 Mengurangkan Bencana Banjir

Inisiatif 3 Bekalan Air

Inisiatif 4 Jaringan Jalan Raya

Inisiatif 5 Pemilikan Perumahan

**Strategi 3 Menghidupkan Persekitaran Kondusif**

Inisiatif 1 Negeri Terbersih, Indah, Ceria dan Selamat

Inisiatif 2 Kelestarian Alam Sekitar

**FOKUS 2: KEMAMPANAN EKONOMI**

**Strategi 1 M-WEZ Pemacu Ekonomi**

Inisiatif 1 Kesan Pengganda M-WEZ

**Strategi 2 Merancang Melaka Sebagai Destinasi Pelaburan**

Inisiatif 1 Pelaburan Berpotensi

Inisiatif 2 Perancangan Industri

**Strategi 3 Memacu Industri Pelancongan: Melaka Sebagai Destinasi Terunggul**

Inisiatif 1 Pelan Pemulihan Pelancongan

Inisiatif 2 Pelan Digital Pelancongan

Inisiatif 3 Pelan Induk Pelancongan Negeri Melaka

Inisiatif 4 Acara Pelancongan

Inisiatif 5 Destinasi Pelancongan Unggul

**Strategi 4 Mengupayakan Sektor Pertanian**

Inisiatif 1 Kelangsungan Nelayan, Petani dan Penternak

Inisiatif 2 Sektor Pertanian

Inisiatif 3 Sektor Perikanan

**Strategi 5 Meneruskan Kehidupan Pasca COVID-19**

Inisiatif 1 Kelangsungan Perniagaan

Inisiatif 2 Kelangsungan Kehidupan Pasca COVID-19

Inisiatif 3 Kelangsungan Hidup Asnaf

**Strategi 6 Memperluas Inisiatif Pintar**

Inisiatif 1 *Smart Melaka - Smart Energy*

Inisiatif 2 Platform Digital

Inisiatif 3 Data Raya Negeri Melaka

**FOKUS 3: KECEKAPAN TADBIR URUS**

**Strategi 1 Meningkatkan Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan**

Inisiatif 1 Tadbir Urus Kerajaan

Inisiatif 2 Kebajikan Penjawat Awam dan Anak Kelahiran Melaka

**PENUTUP**

**Menuju Transformasi Sejahtera 2035 (TS35)**

**UCAPAN BAJET 2022  
NEGERI MELAKA**

Oleh:

YAB Datuk Seri Utama (Dr.) Haji Sulaiman Bin Md. Ali  
Ketua Menteri Melaka

Ketika Membentang  
Rang Undang-Undang Perbekalan 2022

Di Dewan Undangan Negeri Melaka  
Pada Isnin, 27 Disember 2021

Tema:

**“Stabil Melaka, Makmur Bersama”**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

Dengan hormat lagi penuh takzim, berdiri di dalam Dewan yang mulia ini, saya mohon mencadangkan supaya **Rang Undang-undang** bertajuk “**Suatu Enakmen Perbekalan 2022** untuk membolehkan kegunaan sejumlah wang daripada **Kumpulan Wang Disatukan** bagi maksud perbelanjaan **pengurusan tahun 2022**” dibaca bagi kali kedua.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

## **MUKADIMAH**

*BismillahirRahmanirRahim,*

*Alhamdulillah Rabbil A'lamin, Wassolatuwassalamu A'la Asyrafil Anbiyai Wal Mursalin, Wa A'la Alihi Wasohbihi Ajmain, Amma Ba'du,*

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia,

1. Saya mulakan, dengan lafaz selawat kepada Rasul junjungan, Nabi Muhammad SAW, semulia-mulia insan, yang menjadi pedoman dan suri tauladan sepanjang zaman, seraya disebut, *Allahumma Solli A'la Saidina Muhammad Wa A'la A-li Saidina Muhammad.*

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

2. Sebelum saya meneruskan pembentangan Bajet ini, terlebih dahulu, izinkan saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada **Yang Berhormat Datuk Wira Ibrahim Durum**, di atas pelantikan sebagai Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka bagi Penggal yang Ke-15.
3. Begitu juga kepada **Yang Berhormat Datuk Khaidhirah Abu Zahar** kerana dilantik sebagai Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka bagi Penggal yang Ke-15.
4. Semoga Yang Berhormat Datuk Wira Speaker dan Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab ini dengan adil serta sebaik-baiknya.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

5. Bagi menjunjung falsafah Raja Berperlembagaan, dengan penuh takzim, patik pohon merafak sembah setinggi-tinggi tahniah, kepada **Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Riáyatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Al Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustain Billah**, sempena Sambutan Hari Keputeraan Tuanku pada 13 November lalu.
6. **Pada *dhamir* hemah patik, kebijaksanaan Tuanku selaku Ketua Negara, dan sebagai Ketua Agama Negeri Melaka, maka patik bersama kepimpinan Kerajaan serta seluruh rakyat, sentiasa mendoakan agar Kebawah Duli Tuanku dan**

**Raja Permaisuri Agong, serta usrah diraja,** dikurnia keafiatan, dalam lembayung kebesaran Allah *Subhanahu Wataala*, bersemayam di atas takhta keadilan dengan penuh saksama.

**Ampun Tuanku Seri Paduka,  
Menjunjung sembah dirafak tinggi,  
Teguh karar naungan takhta,  
Setia patik tidak berbelah bagi.**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

7. Di kesempatan ini, saya turut menzahirkan setinggi-tinggi syabas dan penghargaan kepada **Tuan Yang Terutama, Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka, di atas Sambutan Ulang Tahun Ke-72,** pada 4 hingga 5 Disember 2021 lalu.
8. Pada nurani hemah saya, **Tuan Yang Terutama, Tun Seri Setia,** bukan sekadar laksana payung berkembang menaungi seisi Negeri, bahkan, turut berjasa sebagai **penstabil kepada krisis politik di Negeri Melaka,...**

kerana,... atas kebijaksanaan, mempertimbang sehemah-hemahnya, bagi membubarkan Dewan Undangan Negeri, untuk memberikan laluan kepada Pilihanraya Negeri Melaka diadakan.



9. Hasilnya, ternyata rakyat telah memilih sebuah Kerajaan kukuh, yang diyakini mampu membela nasib mereka, bagi menjamin kestabilan politik serta kemakmuran Negeri Melaka.
10. Bertolak itu, didoakan semoga **Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Wira Hajah Asmah Abdul Rahman serta keluarga** dirahmati oleh Allah SWT dengan kurniaan afiat, bahagia berkekalan hendaknya.
11. Benarlah bagai digurindam:

**Bintang Kejora Terbitnya Subuh,  
Indah Bekerlipan Cantik Berseri,  
Tun Umpama Payung Berteduh,  
Menyatu Rakyat Menaungi Negeri.**

12. Syahdan, dengan setulus ikhlas rasa penghormatan, marilah kita semua, bertepuk takzim, kepada Ketua Negara dan Ketua Negeri yang kita sayangi!

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

13. Sebermula ucapan Bajet ini, saya pohon izin, untuk memetik firman Allah Subhanahu Wa Taala, dalam surah A-li I'mran ayat 26, seperti tercatat dalam khat yang dilakar indah tergantung tinggi di atas mercu Dewan yang mulia ini mafhumnya bahawa:

قُلِ اللَّهُمَّ مَلِكُ الْمُلْكِ تُؤْتِي الْمُلْكَ مَنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمُلْكَ مِمَّنْ  
تَشَاءُ وَتُعِزُّ مَنْ تَشَاءُ وَتُذِلُّ مَنْ تَشَاءُ بِيَدِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ

قَدِيرٌ ﴿٢٦﴾

14. Katakanlah, Dia Tuhan yang memiliki segala kekuasaan. Dia berkuasa memberi kemegahan. Dia mampu mencabut kemasyhuran. Dia Maha Perkasa memuliakan, dan Dia Maha Berupaya menghina sesiapa jua yang Dia kehendaki. PadaNya pemberi segala kebaikan. Dialah Allah, Maha Berkuasa atas segala sesuatu, Tuhan Maha Mengetahui, baik yang nyata, mahupun nan tersembunyi.
15. Sesuai itu, saya sedar lalu berasa insaf bahawa, kuasa yang diamanahkan kepada saya dan kepimpinan Kerajaan ini, **bukanlah suatu ‘Tasyrif’ iaitu kemuliaan, yang boleh kita bangga-banggakan,...**

sebaliknya mandat yang diberikan oleh rakyat Melaka ini, merupakan **‘Tak-klif’, yakni penanggung-jawaban berat, yang akan menjadi beban dan diperhitungkan di hadapan Tuhan Rabbul Jalil, di Yaumul Mahsyar kelak.**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

16. Menyebut tentang kekuasaan Tuhan juga, sekitar 3 tahun yang lalu, saya masih ingat lagi, saya,... bersama 12 Ahli Yang Berhormat Barisan Nasional,... kami pernah 'duduk di seberang sana'.
17. Kemudian, takdir Allah yang Maha Berkehendak telah menetapkan, selepas 9 Mac 2020, saya 'berhijrah' 'duduk ke sebelah sini pula', sebagai Ketua Menteri, bersama 16 Ahli Yang Berhormat di bawah panji Kerajaan perikatan.
18. Tatkala, Kerajaan Negeri terpaksa dibubarkan,... semua dah tahu sebabnya apa,... ketika itu,... saya pun tak pasti,... sama ada saya masih 'duduk di sini,... atau kena balik 'duduk sebelah di sana',... atau yang lebih mendebarkan,.. 'tak de langsung kerusi nak duduk'.

**Saya dah buat yang terbaik,... apa berlaku pun,... saya redha dan tawakkal kepada Allah!**

19. **Namun Alhamdulillah,... Alhamdulillah,... atas kekuasaan Allah SWT jua,... takdir sekali lagi sudah tertulis bahawa,... kami telah kembali ke Dewan Yang Mulia ini,... bukan 13,... bukan lagi angka 17, tetapi dengan,... sejumlah,... dua puluh satu Ahli-Ahli Yang Berhormat Barisan Nasional!**

20. **Ini bermakna,... suatu mandat besar kepada Barisan Nasional,... yang bukan setakat mendapat majoriti dua pertiga (2/3),... bahkan syukur,... kita telah mencapai majoriti tiga per empat (3/4) di Dewan Yang Mulia ini!**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

21. **Maka itu,... saya ingin menzahirkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan,... kepada semua yang telah bertungkus lumus,... pagi petang,... siang dan malam,... terpaksa 'berkampung' serta berkempen selama hampir 1 bulan,... dalam norma baharu akibat wabak COVID-19 pulak tu,...**

**khususnya kepada Presiden Parti merangkap Pengerusi Barisan Nasional Malaysia,... Pengarah Pilihanraya yang lebih mesra dikenali 'Tokmat',... Bossku,... Pengerusi Perhubungan Barisan Nasional Negeri Melaka,... para pimpinan tertinggi dan akar umbi,... jentera-jentera penggerak parti,... para wanita Jalinan Rakyat,... Barisan Pemuda,... semua ahli Barisan Nasional,... dari sekecil-kecil hinggalah sebesar-besar jawatan,...**

**dan yang paling saya terhutang budi,... semestinya para pengundi serta seluruh rakyat Negeri Melaka,... yang telah memberi mandat serta kepercayaan, sehingga Barisan Nasional mencapai kemenangan besar dalam PRN baru-baru ini.**

**Terima kasih semua,... terima kasih!**

**Tenang-tenang air di laut,  
Mendayung perahu mudik ke tanjung,  
Semangat dijulung kemenangan disambut,  
Pengorbanan tuan-puan *teetaap* kita sanjung.**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

22. Kata orang,... yang baru diberi peluang,... yang lama tetap kita kenang,... tentunya,... tidak sesekali dilupakan,... kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat pada penggal lalu,... baik ‘sahabat-sahabat saya’ yang pernah ‘duduk di sebelah sini’, mahupun ‘rakan strategik’ saya ketika itu yang ‘duduk di seberang sana’,... tetapi kini tidak lagi bersama kita di Dewan Yang Mulia ini, antaranya yang boleh saya sebutkan,...

**Yang Berbahagia Datuk Wira Latipah Omar**

**Yang Berbahagia Datuk Roslan Ahmad**

**Yang Berbahagia Datuk Wira Ar. Ismail Othman**

**Yang Berbahagia Datuk Wira Md. Rawi Mahmud**

**Yang Berbahagia Datuk Wira Amiruddin Yusof**

**Yang Berbahagia Datuk Wira Ghazale Mohammad; dan**

**Yang Berbahagia Datuk Wira Hasan Abd Rahman**

23. **Kepada mantan Ahli-Ahli Yang Berhormat,... terima kasih atas segala khidmat bakti yang dicurahkan. Sebagai mengenang jasa,... marilah kita beri tepuk penghargaan kepada mereka semua!**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

24. Manakala, kepada para pemimpin, ayah dan ibu serta mereka yang telah pergi mendahului kita pula, terutamanya kepada **Allahyarham Datuk Seri Haji Abdul Ghafar Atan,...** juga kepada wira *frontliners* kita, **Allahyarham Mohd Diya Che Jusoh, anggota Bomba yang lemas ketika cuba menyelamatkan mangsa banjir di Kg. Sungai Putat,...**

Kepada mereka berdua khususnya, ... **hati mengenang mulut menyebut,...** semoga Allah memberi keampunan dan menempatkan mereka dalam kalangan orang-orang beriman, seraya bertafakur dan kita sedekahkan kepada mereka,...

**Al-Fatihah!....** (*berhenti sejenak....*)

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

25. **Apapun,... ibrah dan pengajaran daripada episod pembubaran Dewan Undangan Negeri Melaka,... banyak mengajar kita erti kesetiaan dan persahabatan dalam sebuah perjuangan.**

**Sakit-sakit terkena duri,  
Sakit lagi terhiris jari,  
Luka mendalam terasa di hati,  
Lebih terluka apabila kita dikhianati.**

26. **Walau apapun,... kita *husnuz-zhon* yakni bersangka baik dan berlapang dada. Pasti ada hikmahnya! Yang penting kita *move-on* dan buka lembaran baharu.**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

27. Selanjutnya, Kerajaan Negeri turut bersimpati dan melahirkan rasa dukacita, di atas bencana banjir yang melanda negara baru-baru ini, sehingga menyebabkan beberapa buah negeri ditenggelami air dan rakyatnya memerlukan bantuan segera.
28. Negeri kita pun tidak terkecuali. Saya bersama dengan YB-YB, beserta pelbagai agensi Kerajaan berkaitan, telah turun padang, mengambil tindakan segera dalam membantu mereka yang terjejas akibat bencana banjir yang berlaku baru-baru ini.
29. Sebagai tindakan permulaan dan persediaan bagi menghadapi musibah banjir akan datang, Kerajaan Melaka, akan membeli bot bagi misi menyelamatkan mangsa-mangsa banjir di Negeri ini, dengan peruntukan sebanyak **200 ribu ringgit**.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

30. Dalam hal banjir juga, saya tersentuh hati dengan kisah orang Melaka kita iaitu, **Encik Azwan Omar**. Encik Azwan atau lebih *glamour* dalam kalangan netizen dengan gelaran '**Abang Viva**', menjadi tular, apabila dia yang bekerja sebagai operator mesin sanggup mengambil cuti dari majikannya, meredah kepayahan untuk menyelamatkan mangsa banjir di Shah Alam dan beberapa tempat lain di Selangor.

31. Yang membanggakan kita adalah, beliau pergi ke sana dengan menggunakan kereta Viva dan membawa sebuah bot di atas bumbungnya, dengan hanya berbekalkan duit sebanyak RM50, itupun RM20 digunakan untuk mengisi minyak kereta, dan RM30 lagi, bagi membeli makanan untuk mengalas perut.
32. Jadi, apalah salah kiranya jika kita ucapkan tahniah dan penghormatan kepada sukarelawan **“Hero Orang Melaka”** ini, dengan kita semua berikan, **suatu tepukan semangat kepada ‘Abang Viva’!**

### **PENGHARGAAN KEPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

33. Bagi pihak Kerajaan Melaka, kita menyambut baik konsep Keluarga Malaysia yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat **Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob**, Perdana Menteri Malaysia.
34. Prinsip Keluarga Malaysia ini, menyeru kita bekerja secara sepasukan, selari dengan **kerangka halatuju MELAKA RUMAHKU**, yang Kerajaan Negeri perkenalkan pada pertengahan tahun 2020, di dalamnya terkandung visi, misi, pemboleh daya atau *enabler*, slogan yang dilingkari kecemerlangan duniawi dan ukhrawi.
35. Selanjutnya, Kerajaan Melaka juga mengucapkan setinggi-tinggi syabas kepada Yang Berhormat Senator Menteri Kewangan Malaysia dan **#TeamMOF**, yang pada 29 Oktober lalu, membentangkan Bajet Nasional 2022, bertemakan



**Keluarga Malaysia, Makmur Sejahtera**, dengan peruntukan tertinggi dalam sejarah, bernilai 332.1 bilion ringgit.

36. Antara inisiatif yang diperuntukkan kepada negeri Melaka seperti:

**PERTAMA:** Membina blok baharu di **Sekolah Kebangsaan Kampung Tun Razak Bukit Katil, Melaka** bagi memperkasa **pendidikan khas** anak-anak Melaka;

**KEDUA:** **Memberi pelepasan khas cukai pendapatan individu** bagi perbelanjaan pelancongan domestik sehingga 1,000 ringgit, sehingga tahun taksiran 2022 bagi merancakkan kembali sektor pelancongan Melaka sebagai destinasi warisan bersejarah;

**KETIGA:** **Membiayai projek mengatasi banjir** di Melaka bagi memberi keselesaan buat rakyat; dan

**KEEMPAT:** Melaksanakan projek pelancongan melalui **Pembangunan Melaka Island Geopark dan Island Zipline di Pulau Besar.**

37. Selain itu, sebanyak **171** projek pembangunan keseluruhannya bernilai **5.53 bilion ringgit** telah diluluskan di Negeri Melaka, melibatkan **574 juta ringgit** untuk tahun 2022.

38. Sebagai tambahan, sebanyak **20 juta ringgit** juga telah diperuntukkan, bagi pelbagai projek berkenaan jaminan makanan, pelancongan serta pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar termasuk menangani isu banjir.
39. Seterusnya, Kerajaan Persekutuan telah memberikan pelbagai insentif untuk rakyat Malaysia dan Melaka, termasuklah melalui **Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan** dengan peruntukan hampir **13 juta ringgit**.
40. Ditambah lagi, dengan Pakej Rangsangan Ekonomi pada 2021 dengan keseluruhan peruntukan **225 bilion ringgit** melalui pakej **PERMAI, PEMERKASA, PEMERKASA PLUS dan PEMULIH**.
41. Jadinya, hubungan erat di antara Kerajaan Melaka dengan Kerajaan Persekutuan umpama sebuah keluarga besar, ibarat aur dengan tebing, yang lengkap-melengkapi, saling perlu-memerlukan.

## **PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI - MELAKAKU MAJU JAYA 2021: SEJAHTERA BERSAMA**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

42. Sebagai Kerajaan yang merasai denyut nadi rakyat, kita turut mengumumkan **Pakej Rangsangan Ekonomi Melakaku Maju Jaya 2021: Sejahtera Bersama**, berteraskan *People Economy* dan *Capital Economy*, yakni ekonomi berasaskan kepentingan

rakyat serta berfokus kepada pengurusan dan dasar makro, bagi menggerakkan ekonomi untuk kesejahteraan rakyat.

43. Dengan 60 inisiatif berjumlah **174.53 juta ringgit, menjadikannya antara Pakej Rangsangan Ekonomi inklusif tertinggi di Malaysia.**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian,

44. Hari ini, di pagi Isnin nan bertuah, **27 Disember 2021, bersamaan 22 Jamadil Awal 1443 Hijriyyah**, kita bersyukur, kerana sekali lagi, saya dapat berdiri di Dewan Yang Mulia ini, bagi membentangkan Bajet 2022 Negeri Melaka, buat kali kedua.
45. Di kesempatan ini, saya bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, ingin mengucapkan **Selamat Hari Natal**, yang dua hari lalu baru sahaja disambut oleh penganut Kristian. Juga, **Selamat Tahun Baharu 2022** kepada semua, yang fajarnya akan bermula terbit empat hari lagi.
46. **Sebelum itu, saya nak kongsi sikit,... pada pagi 21 November lepas, setelah mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri, saya sempat bertemu insan yang paling mulia lagi disayangi dalam hidup ini, iaitu mak saya.**

47. **Ketika itu, saya teringat bagaimana wajah mak tenung saya, sambil cakap dalam loghat dio-lah,... “Man,... kojo kau ni boghek man,... buwek boto-boto,... biya kau susah, jangan oghang lain susah”.**
48. ***Terima Kasih Mak,... An ingat pesan mak. Maklah ibu An,... Apapun Mak,... I love you so much!***
49. Jadi, bercakap tentang mak atau ibu ini, sempena pembentangan bajet ini, An nak umumkan,...

**kepada ibu-ibu yang menyambut kelahiran bayi comel lagi bertuah pada hari ini, bermula dari jam 12.00 tengah malam sehingga pukul 11.59 tengah malam ini, buat bayi yang lahir di negeri Melaka, pada 27 Disember 2021, bantuan one-off diberikan, melalui pembukaan akaun SSPN-i, bernilai 150 ringgit.**

50. Cuma, bayi yang lahir hari ini sahaja yang dapat 150 ringgit. Untuk *baby* yang lahir pada tarikh lain, usahlah bimbang, bersabar sikit, saya umumkan sebentar nanti.

## **PRESTASI DAN CABARAN EKONOMI 2021**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

51. Umum mengetahui, krisis kesihatan yang sedang melanda dunia masa kini, akibat penularan pandemik COVID-19 telah memberi impak ketara kepada persekitaran ekonomi dunia termasuklah Malaysia.

52. Natijahnya, Negeri Melaka mencatatkan penyusutan Keluaran Dalam Negeri Kasar (**KDNK**), daripada **positif 2.9 peratus pada 2019 kepada negatif 5.9 peratus pada tahun 2020**. Malahan, kesemua sektor ekonomi di negeri Melaka menunjukkan penurunan, kecuali sektor pertanian yang merekodkan pertumbuhan positif 3.7 peratus.
53. Bahkan, wabak COVID-19 juga menyebabkan rakyat kehilangan sumber mata pencarian mereka. Situasi ini memberi kesan kepada peningkatan **kadar pengangguran di Melaka**, iaitu, daripada **2.2 peratus pada 2020 kepada 3.0 peratus** sehingga **suku tahun ketiga 2021**, berbanding kadar pengangguran **Malaysia, yang masing-masing 4.5 peratus kepada 4.7 peratus** bagi tempoh yang sama.
54. Walau bagaimanapun, pelbagai inisiatif yang akan, sedang dan telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri, antaranya mengadakan Karnival Kerjaya 3 Daerah Peringkat Negeri Melaka 2021 termasuklah menganjurkan Mini Karnival Kerjaya di Jasin baru-baru ini.

## **BAJET 2022: STABIL MELAKA MAKMUR BERSAMA**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

### **Kestabilan Demi Kemakmuran**

55. Pada PRN Melaka yang lalu, Barisan Nasional telah melancarkan **manifesto bertajuk “Kestabilan Demi Kemakmuran”**, dengan **1 Matlamat, 5 Teras dan 103 inisiatif**, yang kandungannya lengkapnya sudah disiarkan melalui

pelbagai aplikasi media sosial, laman sesawang dan media perdana.

56. Manifesto atau **Akujanji** ini bersifat inklusif, berpijak di bumi yang nyata, mampu dicapai dan realistik untuk dilaksanakan segala janji-janjinya, baik selama 100 hari, mahupun di sepanjang tempoh 5 tahun pentadbiran Kerajaan ini, demi kesenangan dan kesejahteraan rakyat serta kemakmuran Negeri Melaka.
57. Maka itu, Bajet Negeri Melaka tahun 2022 ini, dibentangkan sebagai ‘serampang banyak mata’, antaranya, dilaksanakan sebagai **bajet pemulihan ekonomi pasca wabak COVID-19, mula mengotakan sebahagian daripada janji-janji 100 hari dan 5 tahun manifesto, mengatasi masalah bencana banjir, memastikan kestabilan Kerajaan, merencanakan pertumbuhan ekonomi dan pelancongan, sektor sosial, peluang-peluang pekerjaan, memperhebatkan inisiatif kebajikan rakyat, demi kesejahteraan semua masyarakat yang limpahan kemakmurannya mampu dikecapi bersama.**
58. Oleh itu, dalam merangka Bajet 2022, **hasil** Kerajaan Negeri dianggarkan berjumlah **428.91 juta ringgit** dengan pecahan, anggaran **Hasil Cukai** bernilai **145.68 juta ringgit**, **Hasil Bukan Cukai** berjumlah **265.68 juta ringgit** dan **Terimaan Bukan Hasil** bernilai **17.55 juta ringgit**.
59. Kerajaan Negeri juga meneruskan inisiatif **bajet lebihan** atau *surplus budget*, dengan **anggaran Perbelanjaan Mengurus** berjumlah **427.92 juta ringgit**, iaitu bagi **Maksud**

**Tanggungan** dianggarkan **10.48 juta ringgit**, manakala bagi **Maksud Bekalan** anggarannya **417.44 juta ringgit**.

60. Di bawah **anggaran perbelanjaan pembangunan** pula, peruntukan **80 juta ringgit**, dengan pecahan 56.36 juta ringgit merupakan sumber hasil Negeri, 23.64 juta ringgit sebagai pemberian Geran Tahap oleh Kerajaan Persekutuan, dan token sebanyak 20 ringgit adalah pindahan daripada Akaun Pinjaman Disatukan.
61. Kerajaan Negeri terus berusaha untuk memulihkan prestasi kewangan, antara fokusnya mengawal defisit semasa, mengurangkan hutang dan meningkatkan rizab, menyelaraskan semula perbelanjaan yang sepatutnya ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan, serta mengaktifkan penglibatan jalinan kerjasama di antara Kerajaan dan pihak swasta.
62. Bukti dalam hal ini, Kerajaan Melaka telah berjaya mencapai sekurang-kurangnya dua kejayaan:
63. **Pertama;** berbanding 960 ribu ringgit pada tahun 2020, di bawah **Kumpulan Wang Amanah Simpanan Negeri Melaka**, setakat Disember 2021 sahaja, kita telah berjaya meningkatkan rizab negeri sebanyak **15.970 juta ringgit**.
64. **Kedua; pencapaian hasil tahun 2020** sebanyak **392.88 juta ringgit**, iaitu **100.7 peratus melebihi sasaran 390.22 juta ringgit**. Pada tahun **2021** pula, **hasil yang disasarkan** adalah sebanyak **445.96 juta ringgit**.

65. **Sukacita saya maklumkan, berbanding 2020 yang walaupun dalam pandemik COVID-19, terdapat peningkatan kutipan hasil sehingga 26 Disember 2021, di mana, Kerajaan Negeri telah mencapai kutipan hasil sebanyak 98.34 peratus iaitu, bernilai 438.57 juta ringgit. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada hasil-hasil yang belum direkodkan, dijangka hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2021 akan melebihi sasaran yang ditetapkan.**
66. Lalunya, bagi mengisi kemenangan, demi menunjang kestabilan pentadbiran Kerajaan Negeri ke arah kesejahteraan rakyat, maka Belanjawan 2022 Negeri Melaka saya pilih, dengan bertemakan **“STABIL MELAKA, MAKMUR BERSAMA”**.
67. Bajet inklusif ini, menggabung dan menyusun semula inisiatif-inisiatif baik sedia ada, mahupun yang baharu, akan dilaksanakan dengan menumpukan kepada **3 Fokus Utama:**

**PERTAMA: Kesejahteraan Rakyat;**

**KEDUA: Kemampanan Ekonomi; dan**

**KETIGA: Kecekapan Tadbir Urus.**

### **FOKUS PERTAMA: KESEJAHTERAAN RAKYAT**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

68. Bagi melicinkan keberkesanan penyampaian dan perkhidmatan inisiatif di bawah Bajet 2022 Melaka, Agensi dan Jabatan Kerajaan termasuklah wakil-wakil rakyat, yang



dipilih, haruslah berperanan bagi memastikan segala bantuan dan inisiatif sampai kepada rakyat.

69. Kerana itu, kita menyambut baik kehadiran semua Ahli Yang Berhormat khususnya ‘muka-muka baharu’, semangat baharu, orang muda, terdiri daripada pelbagai latarbelakang, ada profesional, ada usahawan, ada guru dan sebagainya seperti **ADUN Paya Rumput, Datuk Rais Yasin, ADUN Merlimau, Dr Muhamad Akmal Saleh dan ADUN Rim, Datuk Khaidhirah Abu Zahar ke Dewan yang mulia ini.**
70. Di sini, saya ingin ucapkan ‘*Ahlan Wa Sahlan*’, Selamat Datang, Selamat Berkhidmat dan *welcome to the “Keluarga Melaka”*, sambil dialu-alukan, seraya **kita beri tepukan bergemuruh kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat!**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

71. Saya berharap, gandingan ‘orang lama dan muka baharu’ akan memantap dan menstabilkan Kerajaan ini berpayung di bawah Melaka Rumahku dalam konteks keluarga besar Melaka, demi kepentingan rakyat seluruhnya.
72. **Bagai diolah hikmah daripada Hikayat Malim Deman:**  
**“...Yang Buta Kita Pimpin,**  
**Yang Susah Kita Perbela,**  
**Yang Capek Kita Tongkatkan,**  
**Yang Sengketa Kita Damaikan,**  
**Yang Terpinggir Kita Tak Lupakan,**  
**Yang Diuji Kita Teguhkan Iman Dan Pedoman...”**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

73. Fokus pertama Bajet 2022 ini adalah untuk **Kesejahteraan Rakyat**, merangkumi inisiatif-inisiatif dalam menyantuni isu-isu yang menjadi keutamaan rakyat Melaka.

#### **STRATEGI PERTAMA: MENYANTUNI KEBAJIKAN RAKYAT**

74. **STRATEGI PERTAMA: MENYANTUNI KEBAJIKAN RAKYAT.** Strategi ini menyediakan peruntukan bagi meringankan beban kos sara hidup yang ditanggung oleh rakyat.

#### **Inisiatif 1: Bantuan Melaka Makmur**

75. **Inisiatif 1: Bantuan Melaka Makmur:**

**PERTAMA:** **Care Sayang** iaitu **Bantuan Am bulanan** yang dinaikkan kadar dari 200 ringgit dan 230 ringgit kepada **250 ringgit untuk 5,394 penerima**, dengan implikasi kewangan keseluruhan **16.18 juta ringgit**;

**KEDUA:** **Nutrisi Sejahtera B40** sebanyak **1,000 kit makanan bagi setiap DUN** bernilai **2.80 juta ringgit**;

**KETIGA:** **Care Sejahtera** berjumlah **1.6 juta ringgit** yang merupakan pembekalan **lampin pakai buang dewasa** kepada **2,240 orang penerima**;

**KEEMPAT:** **Insurans dan khairat kematian** kepada **Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Negeri Melaka** sebanyak **1.13 juta ringgit**;

**KELIMA:** **Care Kolej** berupa **tunai one-off** bernilai **1,000 ringgit** kepada anak Melaka yang melanjutkan pelajaran di **KUIM seramai 700 orang, dan MiCOST seramai 300 orang**, dengan implikasi kewangan berjumlah **1 juta ringgit**;

**KEENAM:** **Care Kasih** yang merupakan **program bantuan susu** kepada pesakit terlantar, Orang Kelainan Upaya (OKU) dan warga emas melibatkan **200 orang penerima** berjumlah **960 ribu ringgit**;

**KETUJUH:** **Care Cekal.** Kerajaan memperuntukkan sejumlah **500 ribu ringgit** bagi **bantuan tunai one-off** sebanyak **100 ringgit seorang** kepada **ibu tunggal di kalangan B40**;

**KELAPAN:** **i-Suri** yang merupakan **Skim Caruman Sukarela Insentif Suri KWSP** sebanyak **60 ringgit setahun** kepada **peserta e-Kasih** bernilai **200 ribu ringgit**;

**KESEMBILAN:** **Tahfiz Muta'aliq** iaitu **Insentif Sekolah Tahfiz Melaka** yang meningkat dari 1,000 ringgit kepada **3,000 ringgit** untuk **90 buah sekolah**

**tahfiz berdaftar, dengan peruntukan berjumlah 270 ribu ringgit;**

**KESEPULUH: Musa'adah al-Akhirah merupakan bantuan pengurusan jenazah kepada waris dalam kategori B40 bernilai 200 ringgit, berjumlah 200 ribu ringgit;**

**KESEBELAS: Musa'adah 'Imarah yang merupakan bantuan tunai *one-off* bernilai 100 ringgit kepada pegawai syarak seperti imam, noja, bilal, dan pembantu fardhu kifayah, dengan implikasi kewangan berjumlah 111 ribu ringgit;**

**KEDUABELAS: Seperti saya sebut tadi, jika lahir hari ini, dapat 150 ringgit, manakala bagi bayi yang lahir di Melaka pada hari lain, melalui Musa'adah Wilada iaitu bantuan diberikan untuk pembukaan akaun SSPN-i pada kadar 50 ringgit, dengan implikasi kewangan berjumlah 100 ribu ringgit; dan**

**KETIGABELAS: Pengecualian bayaran lesen beca dan Beca Sejahtera iaitu bantuan *one-off* bernilai 200 ringgit kepada 317 pengayuh beca berlesen, dengan implikasi kewangan hampir 72 ribu ringgit.**

76. Bagi golongan B40 yang memerlukan, Kerajaan Negeri juga akan membantu untuk memastikan pelbagai **program**

**bantuan sara hidup dan bantuan kemiskinan** disalurkan mengikut keperluan.

77. Kerajaan Negeri turut menggesa semua pihak termasuk NGO, komuniti setempat dan syarikat korporat untuk bersama-sama menjalankan tanggungjawab sosial bagi memperhebat **program pengupayaan supaya golongan B40 dapat dikeluarkan daripada Garis Kemiskinan.**

## **Inisiatif 2: Kemudahan Kesihatan Awam**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

78. Sehingga **26 Disember 2021**, situasi COVID-19 di negeri Melaka menunjukkan terdapat 130 kes dengan jumlah kumulatif ialah 75,580 kes. Perincian 130 kes menunjukkan 84 kes di Melaka Tengah, 8 kes di Jasin dan 39 kes di Alor Gajah.
79. Kerajaan Negeri akan terus mengutamakan aspek kesihatan awam bagi membina daya tahan rakyat dalam peralihan ke fasa endemik COVID-19. **Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Penggalak** bermula pada 13 Oktober 2021, merupakan usaha Kerajaan dalam pemberian dos penggalak kepada penerima yang telah mendapat vaksin lengkap.
80. Selain itu, bagi meningkatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan yang berkualiti, pihak Kerajaan akan menyediakan kemudahan kesihatan seperti berikut:

- PERTAMA:** **Care Rakyat** iaitu **kemudahan ambulans** untuk kegunaan masyarakat setempat di 28 JAPERUN dengan implikasi kewangan **2 juta ringgit**;
- KEDUA:** Membina bangunan tambahan **Hospital Angkatan Tentera, Kem Terendak, Melaka** dengan kos **285 juta ringgit**;
- KETIGA:** Menaik taraf Jabatan Kecemasan dan Trauma, serta Jabatan Pergigian Pediatrik, Penggantian Sistem Perpaipan Dalaman dan Sistem Lif serta Naik Taraf Unit Perkhidmatan Darah dan Transfusi Perubatan **Hospital Melaka** melibatkan kos sebanyak **66.24 juta ringgit** ;;
- KEEMPAT:** Membina sebuah **Klinik Kesihatan Jenis 4 dengan kuarters di Simpang Bekoh, Jasin**, dengan kos pembinaan berjumlah **27 juta ringgit**. Projek ini akan memberi manfaat kepada penduduk sekitar kawasan DUN Rim khususnya, dan Daerah Jasin amnya;
- KELIMA:** Membina **blok tambahan Klinik Kesihatan Peringgit** dengan kos projek sebanyak **25 juta ringgit**;
- KEENAM:** Menaik taraf Dewan Bedah Kedua Hospital **Alor Gajah, Melaka** dengan kos projek sebanyak **17 juta ringgit**; dan

**KETUJUH:** Menaik taraf **Klinik Kesihatan Alor Gajah** dengan kos sebanyak **1.4 juta ringgit**.

### **Inisiatif 3: Pendidikan Anak Melaka**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

81. Kerajaan Persekutuan juga telah meluluskan **pelbagai projek baharu** melalui Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi untuk dilaksanakan di Negeri Melaka.
82. Antara **projek baharu** yang akan dilaksanakan dalam tahun 2022 adalah seperti berikut:

**PERTAMA:** Membina bangunan baharu di **Sekolah Kebangsaan Bertam Hulu, Sekolah Kebangsaan Kampung Tun Razak, Sekolah Kebangsaan Klebang Besar dan Sekolah Kebangsaan Dato' Demang Hussin**, dengan kos keseluruhan projek berjumlah **80 juta ringgit**;

**KEDUA:** Membina Bangunan Baharu Makmal Sains Tulen (Kimia, Biologi dan Fizik) di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tun Perak, Jasin, dengan kos projek sebanyak **17.8 juta ringgit**; dan

**KETIGA:** Perolehan tanah bagi **Pembinaan Kampus Baharu Politeknik Melaka di Lendu, Masjid Tanah**.

83. Bagi mendokong *Flagship* ke 7 di bawah Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035, iaitu Melaka Hab Pendidikan, Kerajaan Negeri melalui Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM) menyediakan peruntukan bagi program pendidikan, bantuan, biasiswa, dermasiswa dan Pinjaman Wang Pengajian Tinggi.
84. Bagi anak Melaka yang menghadapi masalah kewangan untuk melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan **Pinjaman Boleh Ubah** berjumlah **8.32 juta ringgit**. Pinjaman pelajar yang mendapat Ijazah kelas pertama akan ditukar kepada biasiswa.
85. Selain itu, Kerajaan Negeri turut menyediakan:
- PERTAMA: Pinjaman Pendidikan Tinggi** berjumlah **6.98 juta ringgit**;
- KEDUA: Pinjaman Pelajar Luar Negara** berjumlah **1.09 juta ringgit**;
- KETIGA: Pinjaman Pendidikan Tinggi untuk asnaf** berjumlah **195 ribu ringgit**; dan
- KEEMPAT: Pinjaman Doktor Falsafah dan Ijazah Sarjana** berjumlah **60 ribu ringgit**.
86. **Pemberian Dermasiswa, Biasiswa, Sumbangan dan Program Kecemerlangan Pelajar** berjumlah **6.94 juta ringgit** turut disediakan bagi tujuan berikut:



**PERTAMA:** **Bantuan** secara *one-off* bernilai **300 ringgit** untuk program **Diploma**, dan **400 ringgit** untuk **Ijazah dan seterusnya**, diberikan kepada anak Melaka yang berjaya melanjutkan pelajaran, Inisiatif ini dianggarkan berjumlah **2.20 juta ringgit**;

**KEDUA:** **Derasiswa Pengajian Islam sebanyak 3,500 ringgit hingga 7,000 ringgit** diberikan kepada anak-anak Melaka yang menyambung Pengajian Islam di dalam dan luar negara. Sebanyak **2.01 juta ringgit disediakan untuk program ini**;

**KETIGA:** **Biasiswa Melaka kepada pelajar-pelajar sekolah menengah** dengan nilai **600 ringgit setahun** berjumlah **1.44 juta ringgit**;

**KEEMPAT:** **Sumbangan bantuan persekolahan** yang meningkat dari 150 ringgit kepada **200 ringgit** untuk **2,500 pelajar sekolah rendah**, dengan peruntukan berjumlah **500 ribu ringgit**;

**KELIMA:** **Inisiatif Kemenjadian Pelajar** melalui program teknik menjawab soalan dan bengkel motivasi kepada pelajar-pelajar kelas peperiksaan. Ini bagi membantu para pelajar membuat persediaan emosi, mental dan akademik terutamanya ketika pandemik COVID-19, berjumlah **420 ribu ringgit**; dan

**KEENAM:** **Anugerah Pelajar dan Sekolah Cemerlang** berjumlah **364 ribu ringgit** sebagai pengiktirafan terhadap pencapaian cemerlang anak-anak Melaka dalam peperiksaan awam Kementerian Pendidikan Malaysia.

87. Selain itu, Kerajaan Melaka juga menyediakan inisiatif baharu untuk sektor pendidikan seperti berikut:

**PERTAMA:** **Menawarkan diskaun bayaran balik pinjaman TAPEM** bermula **1 Januari hingga 30 April 2022** bagi para peminjam, seperti berikut:

- 1) Diskaun sebanyak **20 peratus** atas baki hutang untuk **penyelesaian penuh** pinjaman; dan
- 2) Diskaun sebanyak **10 peratus** untuk bayaran sekurang-kurangnya **50 peratus daripada baki hutang dalam sekali bayaran.**

**KEDUA:** **Care SPM** insentif bernilai **50 ringgit seorang** untuk **83 buah sekolah**, dengan implikasi kewangan berjumlah **700 ribu ringgit.**

## Inisiatif 4: Belia Tonggak Masa Hadapan

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

88. **Mengambil kira keperluan dan kehendak belia**, Negeri Melaka juga telah diluluskan dengan projek-projek yang dilaksanakan di bawah **Kementerian Belia dan Sukan, yang menyediakan fasiliti dan kemudahan sukan serta latihan kemahiran** dengan kos keseluruhan projek berjumlah **39.64 juta ringgit**.
89. Antara projek-projek tersebut adalah Membina Kompleks Sukan Bemban, Menaik Taraf Kompleks Belia dan Sukan Ayer Keroh, Menaik Taraf Kompleks Rakan Muda Alor Gajah dan Menaik Taraf Fasiliti dan Kemudahan Asrama di Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Alor Gajah.
90. Bagi memperkasa peranan belia, Kerajaan Negeri akan melaksanakan inisiatif-inisiatif seperti berikut:

**PERTAMA:** Menyediakan peruntukan berjumlah **500 ribu ringgit bagi Program Belia Progresif**, termasuk **latihan kemahiran tambahan bagi membuka peluang pekerjaan berpendapatan tinggi**;

**KEDUA:** Menyediakan dana perniagaan iaitu **Geran Gradpreneur** secara *one-off*, dengan peruntukan berjumlah **400 ribu ringgit** yang memanfaatkan **200 orang** graduan yang terlibat dengan program **Gradpreneur@State** di bawah Kementerian Pengajian Tinggi;

- KETIGA:** **Memperluas kemudahan WiFi percuma** bagi **20 lokasi hotspot** baharu seluruh negeri Melaka, dengan implikasi kewangan berjumlah **200 ribu ringgit**. Selain itu, sejumlah 400 ribu ringgit diperuntukkan bagi peningkatan WiFi di Jabatan Kerajaan Negeri;
- KEEMPAT:** Meneruskan peruntukan bagi penganjuran **program-program e-sport** berjumlah **200 ribu ringgit**. **Pusat Sukan E-Sports dan Extreme Sports**, akan diwujudkan di setiap kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
- KELIMA:** Memperuntukkan sejumlah **200 ribu ringgit** bagi terus memperkasa **Program Rohaniah Belia** untuk bimbingan keagamaan dan kerohanian;
- KEENAM:** Menetapkan harga **180 ribu ringgit** bagi **Skim Rumah Pertama** anak negeri Melaka;
- KETUJUH:** Mewujudkan **Pusat Kegiatan Belia** bagi membolehkan belia untuk berkarya dan melakukan aktiviti kesenian di setiap kawasan pentadbiran PBT;
- KELAPAN:** Memanfaatkan **kemudahan internet percuma** yang telah diwujudkan di setiap JAPERUN serta Pusat Internet Desa di setiap DUN untuk kemudahan masyarakat setempat termasuk para belia;

**KESEMBILAN: Care Cinta** iaitu **Skim Rumah Pasangan Yang Baru Berkahwin** sebanyak 70 unit rumah untuk skim sewa dengan kadar sewa 150 ringgit sebulan. Skim ini akan diperluaskan lagi dengan memperuntukkan unit di PPR Klebang dan PPR Tangga Batu yang dijangka siap pada tahun 2022;

**KESEPULUH:** Meneruskan penglibatan belia dalam **Jawatankuasa di peringkat PBT** dan mewujudkan penglibatan belia dalam **Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah;** dan

**KESEBELAS:** Memastikan setiap remaja dan anak muda diberi peluang memiliki sekurang-kurangnya **Sijil Kursus Kemahiran atau Diploma daripada Institut Kemahiran di Melaka.**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

91. Di sudut belia dan sukan juga, saya ingin mengucapkan tahniah kepada **pasukan bola sepak Melaka United** yang telah mara ke separuh akhir Piala Malaysia buat kali pertamanya sejak 1983.
92. Walaupun tewas dengan KL City FC melalui penentuan sepakan penalti, namun sebagai orang Melaka, saya berasa bangga kerana pada malam itu di Stadium Hang Jebat, saya dapat saksikan semangat patriotik luar biasa yang

ditunjukkan oleh pemain dan juga penyokong-penyokong Melaka pada perlawanan yang penuh mendebarkan itu.

93. Benarlah kata orang, sukan menyatukan kita, lalu, jomlah kita *support team* Melaka United dengan **beri tepukan penghargaan kepada mereka!**

***You are our Heroes!***

### **Inisiatif 5: Pembangunan Masyarakat Orang Asli**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

94. Kerajaan Negeri mengiktiraf masyarakat Orang Asli yang berada di 14 kampung Orang Asli di seluruh Negeri Melaka. Justeru, dalam usaha untuk membangunkan masyarakat Orang Asli, beberapa inisiatif akan dilaksanakan seperti berikut:

**PERTAMA:** Bagi memastikan **kawasan penempatan dan kawasan rayau** bagi masyarakat Orang Asli terus dipelihara, sebanyak 6 kawasan telah diwarta, iaitu 4 kawasan di Jasin dan 2 kawasan di Alor Gajah. Manakala, 8 kawasan lagi sedang dalam proses pewartaan;

**KEDUA:** Memastikan peluang **pendidikan yang sama rata** diberikan kepada anak-anak masyarakat Orang Asli bagi mengurangkan kadar keciciran. Sehingga Disember 2021, terdapat

seramai 323 anak Orang Asli belajar di sekolah rendah, dan 192 orang di sekolah menengah;

**KETIGA:** Memberi keutamaan bagi **pengambilan anak-anak masyarakat Orang Asli yang berkelayakan dalam Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri serta industri;** dan

**KEEMPAT:** Kerajaan Negeri juga menyediakan peruntukan **berjumlah 300 ribu ringgit** bagi membina **Dewan Terbuka di Kampung Orang Asli Bukit Payung**, sebagai langkah meneruskan program pembangunan masyarakat Orang Asli dari segi **taraf hidup dan infrastruktur** kawasan penempatan.

### **Inisiatif 6: Memperkasa Orang Kelainan Upaya**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

95. Kerajaan Negeri turut memberi pengiktirafan ke atas golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) untuk menikmati hak, peluang dan akses secara saksama dalam masyarakat melalui inisiatif berikut:

**PERTAMA:** Menyediakan **insentif tambahan** bagi **Program Perhebat OKU termasuk atlet paralimpik** negeri Melaka berjumlah **100 ribu ringgit;**

**KEDUA:** Menaik taraf **Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) sedia ada di PPDK Seri Malindo sebagai Pusat Latihan Kemahiran OKU Melaka**, dengan peruntukan berjumlah **100 ribu ringgit**. Kerajaan Negeri juga bercadang untuk menambah sebuah lagi **pusat latihan** di kawasan projek perumahan **Residensi Machap**;

**KETIGA:** Memberi keutamaan kepada golongan OKU yang berkelayakan untuk **pengambilan pekerja** di Jabatan dan Agensi Kerajaan serta industri; dan

**KEEMPAT:** Menyediakan **kemudahan infrastruktur mesra golongan OKU** di semua bangunan Jabatan dan Agensi Kerajaan serta swasta, yang merupakan syarat kelulusan pelan bangunan di bawah PBT.

### **Inisiatif 7: Masa Depan Anak-Anak**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

96. Kerajaan Negeri akan terus memastikan semua kanak-kanak di Melaka tidak tercicir daripada mendapat pendidikan melalui **peluang pendidikan yang sama rata**.

97. Selanjutnya lagi, dalam memastikan kebajikan anak-anak, **pusat perlindungan kanak-kanak terbiar** sedia ada di **Rumah**



**Remaja Harapan, Lesung Batu akan diselenggara** dengan peruntukan berjumlah **100 ribu ringgit**.

### **Inisiatif 8: Wanita Bahagia, Keluarga Sejahtera**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

98. Dalam usaha memartabatkan kaum wanita, inisiatif berikut akan dilaksanakan:

**PERTAMA:** Menyediakan peruntukan berjumlah **500 ribu ringgit** bagi **Program Semarak Wanita** untuk tujuan program-program pembangunan dan pemerksaan wanita;

**KEDUA:** Meneruskan **dasar 30 peratus** penyertaan wanita sebagai pembuat dasar; dan

**KETIGA:** Menyediakan **Pusat Sokongan Sosial dan perkhidmatan kaunseling untuk wanita teraniaya dan mangsa keganasan serta keruntuhan rumah tangga**. Buat masa ini, Lembaga Perumahan Melaka telah menyediakan 5 unit rumah sebagai penempatan transit / sementara untuk keluarga yang ditimpa kesusahan. Kemudahan ini dipanjangkan kepada wanita teraniaya dan mangsa keganasan serta keruntuhan rumah tangga, sebelum mereka mendapat penempatan di Rumah Pelindungan Wanita di bawah Kementerian Pembangunan Wanita,

Keluarga dan Masyarakat. Tambahan 5 unit rumah akan disediakan menjadikan keseluruhan 10 unit bagi penempatan transit / sementara.

### **Inisiatif 9: Menyantuni Warga Emas**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

99. Kelangsungan dan kesejahteraan kehidupan warga emas dalam komuniti perlu dititikberatkan. Antara inisiatif yang akan dilaksanakan:

**PERTAMA:** Menyediakan perlindungan insurans untuk **7,148 orang warga emas penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat** dengan implikasi kewangan berjumlah **360 ribu ringgit**;

**KEDUA:** Peruntukan khas berjumlah **200 ribu ringgit** untuk penganjuran **Program Rohaniah Warga Emas**;

**KETIGA:** Memastikan **laluan khas** disediakan di semua kemudahan kesihatan Kerajaan dan swasta di Melaka; dan

**KEEMPAT:** Memanfaatkan sepenuhnya **6 Pusat Aktiviti Warga Emas** bagi tujuan penginapan dan jagaan harian warga emas.

## **Inisiatif 10: Anak Guru, Tentera, Polis dan Veteran**

100. Dalam menyantuni anak-anak guru, tentera, polis dan veteran, Kerajaan Melaka akan melaksanakan inisiatif berikut:

**PERTAMA:** Memberi keutamaan **kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi milik Kerajaan Negeri** iaitu KUIM dan MiCOST; dan

**KEDUA:** Memberi keutamaan **peluang pekerjaan** kepada graduan yang berkelayakan bagi menyertai Jabatan atau Agensi Kerajaan Negeri serta industri.

### **STRATEGI KEDUA: MENYEDIAKAN KEMUDAHAN AWAM BERKUALITI**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

101. Infrastruktur dan utiliti asas yang berkualiti dan berdaya harap, penting bagi merangsang pertumbuhan ekonomi, merapatkan jurang pembangunan antara daerah, dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat. Untuk itu, inisiatif di bawah strategi ini tertumpu kepada usaha menyediakan infrastruktur untuk rakyat dari segi utiliti dan kemudahan awam yang berkualiti, infrastruktur digital, projek Rancangan Tebatan Banjir, bekalan air, jaringan jalan raya dan pemilikan perumahan.

## **Inisiatif 1: Utiliti dan Kemudahan Awam Berkualiti**

102. Kerajaan Negeri telah mengenalpasti tindakan-tindakan yang perlu dilaksanakan bagi menyediakan utiliti dan kemudahan awam berkualiti melalui inisiatif berikut:

**PERTAMA:** Menyediakan 24 buah **bas baharu** bernilai **7.02 juta ringgit** untuk perkhidmatan bas henti-henti. Sehingga Disember 2021, 19 buah bas telah diperolehi, manakala baki 5 buah bas akan diterima pada Januari 2022;

**KEDUA:** Menyediakan perkhidmatan **Bas Penyayang** bagi laluan seluruh negeri Melaka kepada semua penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat, golongan OKU dan asnaf dengan implikasi kewangan berjumlah hampir **986 ribu ringgit**;

**KETIGA:** Menyediakan **latihan dan pusat hentian kenderaan e-hailing** di seluruh negeri Melaka berjumlah **100 ribu ringgit**;

**KEEMPAT:** Meluaskan **liputan talian telekomunikasi** di sebagai persediaan untuk beralih kepada teknologi 5G. Oleh itu, 15 menara baharu akan dibina, 30 stesen pemancar akan dinaik taraf kepada rangkaian 4G, dan capaian gentian optik akan disediakan kepada 104,679 premis. Inisiatif ini akan memberi manfaat kepada penduduk di Kampung Brisu, Kampung Solok

Uban, Kampung Sungai Buloh, Kampung Ayer Limau, Kampung Gapis, Kampung Orang Asli Gapam Baru, Kampung Chinchin, Kampung Jus, Kampung Parit Sidang Seman dan Bukit Asahan;

**KELIMA:** Mewajibkan semua pemaju perumahan menyediakan **tapak telekomunikasi** di kawasan projek masing-masing;

**KEENAM:** Memastikan setiap projek perumahan yang dilaksanakan menyediakan **kemudahan-kemudahan keagamaan, rekreasi dan riadah** untuk kegunaan masyarakat;

**KETUJUH:** Menjadikan Melaka sebagai negeri **sifar gangguan bekalan elektrik**. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri memberi kepercayaan penuh kepada Tenaga Nasional Berhad untuk memastikan bekalan elektrik tidak terganggu; dan

**KELAPAN:** Memastikan sebuah **stesen High Speed Rail atau HSR** dibina di Melaka, sekiranya projek ini diteruskan oleh Kerajaan Persekutuan.

## **Inisiatif 2: Mengurangkan Bencana Banjir**

103. Bagi mengurangkan bencana banjir di negeri Melaka, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan **931.2 juta ringgit** untuk program berikut:

**PERTAMA:** Projek **Rancangan Tebatan Banjir (RTB)** iaitu **RTB Krubong-Durian Tunggal** berjumlah **600 juta ringgit**, **RTB Sungai Duyong** berjumlah **163.80 juta ringgit**, **RTB Bandar Jasin** berjumlah **60 juta ringgit**, **RTB Sungai Melaka Fasa 1** berjumlah **40 juta ringgit**, **RTB Merlimau** berjumlah **36 juta ringgit** dan **RTB Alor Gajah Fasa 1** berjumlah **30 juta ringgit**. Projek RTB Krubong-Durian Tunggal adalah Kolam Dwi-Fungsi untuk tebatan banjir dan sumber air. **Projek ini merupakan yang pertama seumpamanya dilaksanakan di Malaysia;**

**KEDUA:** Penyediaan **kajian peta hazard banjir Lembangan Sungai Duyong**, berjumlah **900 ribu ringgit**; dan

**KETIGA:** **Kajian Pelan Induk Tebatan Banjir Lembangan Sungai Baru**, berjumlah **500 ribu ringgit**.

104. Selain itu, **pelbagai projek jangka pendek** untuk mengatasi masalah banjir akan dilaksanakan melibatkan kos sebanyak **25.1 juta ringgit** menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

### Inisiatif 3: Bekalan Air

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

105. Negeri Melaka merupakan antara 5 buah negeri di Malaysia selain daripada Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Selangor yang mempunyai sumber air yang sangat terhad (*Water Stressed State*), seperti yang dinyatakan dalam laporan *National Water Resources Study 2000-2050*. Menjelang tahun 2023 hingga 2024, Melaka dijangkakan akan mengalami defisit sumber air untuk menampung keperluan permintaan air yang semakin meningkat.
106. Justeru, Kerajaan Negeri melalui Syarikat Air Melaka Berhad melaksanakan usaha sama bagi projek **penyaluran paip air dari Sungai Rembau ke Empangan Durian Tunggal**, yang melibatkan kos pembinaan sebanyak **230 juta ringgit**. Melalui pelaksanaan projek ini, Kerajaan Negeri akan mengurangkan kebergantungan sumber air mentah dari negeri lain.
107. Kerajaan Negeri juga sentiasa komited untuk memastikan sumber air mentah mencukupi sehingga tahun 2050, dan **tiada catuan air** dilaksanakan di negeri Melaka melalui perancangan tindakan jangka panjang seperti berikut:

**PERTAMA: Projek Menaik Taraf Kolam Tebatan Banjir Krubong-Durian Tunggal sebagai Kolam Dwifungsi untuk Tebatan Banjir dan Sumber Air Negeri Melaka**, dengan peruntukan sebanyak **600 juta ringgit**, dijangka akan

dimulakan bagi kajian perunding pada Januari 2022;

**KEDUA: Projek Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) Tasik Biru, Daerah Jasin,** dengan peruntukan sebanyak **350 juta ringgit**;

**KETIGA: Projek Penyaluran Air Mentah dari Sungai Kesang dan Tasik Biru ke Empangan Jus, Daerah Jasin,** dengan peruntukan sejumlah **150 juta ringgit**; dan

**KEEMPAT: Projek Pembinaan TAPS Jernih, Daerah Alor Gajah,** sebagai alternatif tambahan keperluan sumber air mentah di Negeri Melaka yang terletak di Mukim Sungai Siput, Daerah Alor Gajah.

108. Selain itu, Kerajaan Melaka akan melaksanakan beberapa cadangan projek bekalan air seperti berikut:

**PERTAMA: Projek Pembangunan Loji Air Jernih, Daerah Alor Gajah,** dengan kos pembinaan berjumlah **330 juta ringgit**. Projek berkapasiti 90 juta liter sehari ini, bertujuan bagi menampung keperluan bekalan air di sekitar kawasan Masjid Tanah, Lubuk Cina dan Ramuan Cina Besar. Pada masa ini, bekalan air adalah bergantung kepada Loji Air Gadek dan Loji Air Bertam. Projek ini dijangka akan selesai fasa



pembinaannya sebaik sahaja Empangan Jerneh disiapkan pada tahun 2025;

**KEDUA: Projek Pembesaran Loji Air Jus, Daerah Jasin,** dengan kos pembinaan berjumlah **30 juta ringgit**. Untuk makluman, Loji Air Jus sedia ada pada waktu ini berkapasiti 4.5 juta liter sehari, hanya dapat membekalkan air di sekitar Batang Melaka dan Jus sahaja. Memandangkan terdapat peningkatan keperluan bekalan air dan kawasan agihan, loji ini akan dibesarkan dengan tambahan kapasiti 10 juta liter sehari, seterusnya membekalkan air ke seluruh kawasan Jus dan Selandar. Projek ini dijangka siap pada pertengahan tahun 2023; dan

**KETIGA: Projek Pembesaran Loji Air Asahan, Daerah Jasin,** dengan anggaran kos berjumlah **15 juta ringgit**, bagi mencapai sasaran untuk membekalkan air mengikut daerah dan meningkatkan kapasiti pengeluaran Loji Air Asahan. Pembinaan loji kompak berkapasiti 5 juta liter sehari, akan menjadikan jumlah pengeluaran air bersih sebanyak 10 juta liter air sehari. Ini termasuk pembinaan muka sauk baru dan paip air tambahan. Projek ini dijangka siap pada akhir tahun 2023.

## Inisiatif 4: Jaringan Jalan Raya

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

109. Kerajaan Negeri merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan di atas pemberian peruntukan berjumlah **113.07 juta ringgit** di bawah **Sistem Maklumat Rekod-Rekod Jalan Raya di Malaysia (MARRIS)**, bagi menyelenggara jalan raya di seluruh Melaka sepanjang 5,621 kilometer. Manakala, peruntukan **26 juta ringgit** pula disediakan bagi menyelenggara Jalan Persekutuan sepanjang 320 kilometer di Melaka.
110. Dalam usaha mengatasi kesesakan lalu lintas dan meningkatkan keselamatan jalan raya, Kerajaan Negeri akan terus **menambah baik sistem jaringan jalan raya di negeri Melaka termasuk jalan-jalan kampung.**
111. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah memohon semula kelulusan projek-projek *Rolling Plan* Ketiga (RP3) RMK-12 di bawah **Kementerian Kerja Raya**, yang berjumlah **1.26 bilion ringgit** bagi **mengatasi isu kesesakan jalan raya** seperti berikut:
- PERTAMA:** Menaik Taraf dan Membina Baharu **Jalan 4 Lorong Persisiran Pantai dari Hatten City ke Semabok, Melaka Tengah** berjumlah **651 juta ringgit**;

**KEDUA:** Membina Jalan Baharu dan Menaik Taraf **Jalan dari Persimpangan Taman Perindustrian Bukit Rambai, Lebuhr SPA ke Pelabuhan Tanjong Beruas** bernilai **389 juta ringgit**; dan

**KETIGA:** Menaik Taraf Jalan dari **Persimpangan Seri Negeri Persimpangan Jalan Tun Hamzah ke Kampung Bukit Katil ke Persimpangan Duyong ke Persimpangan AMJ Jambatan Duyong**, sebanyak **216.7 juta ringgit**.

112. Kerajaan Negeri juga telah memohon semula untuk kelulusan projek-projek RP3 RMK-12 di bawah **Kementerian Pembangunan Luar Bandar** berjumlah **317.1 juta ringgit**, bagi **meningkatkan sistem jaringan jalan raya** seperti berikut:

**PERTAMA:** Cadangan Membina **Jalan Baharu dari Kampung Seri Mendapat, Jasin ke Tangkak, Johor** bernilai **110.9 juta ringgit**;

**KEDUA:** Cadangan Membina **Jalan Baharu dari Kuala Linggi ke Ayer Molek, Masjid Tanah** berjumlah **98.4 juta ringgit**;

**KETIGA:** Cadangan Membina **Jalan Baharu dari Kampung Paya Lebar ke Kampung Lubok Redan dan Kampung Pulau Masjid Tanah, Alor Gajah**, sebanyak **39.3 juta ringgit**;

**KEEMPAT:** Cadangan Membina **Jalan Baharu** dari **Persimpangan Paya Dalam/Tambak Paya ke Lebu AMJ, Melaka Tengah**, sebanyak **32 juta ringgit**; dan

**KELIMA:** Cadangan Pembinaan **Jalan Pesisir di Kampus Induk Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)** bernilai **36.5 juta ringgit**.

113. Melalui Bajet 2022 juga, Kerajaan Melaka akan memperuntukkan hampir **9.0 juta ringgit** bagi **meningkatkan keselamatan jalan raya** seperti berikut:

**PERTAMA:** Membina **Jalan Pintas Baru** dari **Persimpangan Jalan Alor Gajah Lama ke Taman Murai Jaya di Pekan Durian Tunggal** berjumlah **4.6 juta ringgit**;

**KEDUA:** Menaik Taraf **Persimpangan di Pekan Kuala Sungga, Alor Gajah** berjumlah **1.2 juta ringgit**;

**KETIGA:** Menaik Taraf dan **Pembesaran Jalan di 2 Persimpangan Bemban, Jasin** berjumlah **1.1 juta ringgit**;

**KEEMPAT:** Kerja-kerja **Pembaikan Jambatan Brisu, Alor Gajah** berjumlah **500 ribu ringgit**;

- KELIMA:** Menaik Taraf **Pembentung kepada Jambatan di Jalan Batang Melaka ke Selandar** berjumlah **250 ribu ringgit**;
- KEENAM:** Menaik Taraf **Sistem Lampu Isyarat Pintar (SLIP) di Lebuhraya SPA**, berjumlah **250 ribu ringgit**;
- KETUJUH:** Memasang **Lampu Isyarat Lintasan Pejalan Kaki di Sekolah Kebangsaan Merlimau**, berjumlah **250 ribu ringgit**;
- KELAPAN:** Memasang **Lampu Isyarat Lintasan Pejalan Kaki di Sekolah Kebangsaan Merlimau 2**, berjumlah **250 ribu ringgit**;
- KESEMBILAN:** Menaik Taraf **Persimpangan Lendu di Alor Gajah**, berjumlah **200 ribu ringgit**;
- KESEPULUH:** Menaik Taraf **Persimpangan Menjadi Bulatan di Jalan Durian Tunggal ke Tangkak di Masjid Lama Ayer Baruk, Jasin** berjumlah **100 ribu ringgit**;
- KESEBELAS:** Menaik Taraf **Jambatan Sedia Ada Sungai Siput, Alor Gajah**, berjumlah **100 ribu ringgit**;
- KEDUA BELAS:** **Pelurusan selekoh tajam di Jalan Jasin ke Merlimau, Jasin** berjumlah **50 ribu ringgit**;  
dan

**KETIGA BELAS:** Menaik Taraf **Jalan Persimpangan Jam Besar Pekan Masjid Tanah ke hadapan Sekolah Menengah Kebangsaan Ghafar Baba, Alor Gajah** berjumlah **50 ribu ringgit**.

114. Selain itu, terdapat juga projek dalam pembinaan bagi **meningkatkan infrastruktur dan sistem jaringan jalan raya, iaitu membina jalan baharu dari Hutan Percha ke Pekan Tebong, Alor Gajah**, bernilai **29.3 juta ringgit**.

115. Seterusnya, sebanyak **50 juta ringgit** diperuntukkan untuk projek di dalam pra-kontrak melibatkan Cadangan Membina **Jalan Baharu dari Simpang Jalan Serkam - Bemban Ke Simpang Jalan Kandang - Jasin**.

116. Sebanyak **84.2 juta ringgit** diperuntukkan pada tahun 2022 bagi projek-projek yang di dalam pasca-kontrak seperti berikut:

**PERTAMA:** Cadangan membina **Jalan Baharu dari Jalan Solok Ayer Limau ke Kampung Jeram, Masjid Tanah, Alor Gajah**, sebanyak **36 juta ringgit**; dan

**KEDUA:** Cadangan membina **Jalan Baharu dari Persimpangan Rim ke Persimpangan Kg. Ulu Jasin**, sejumlah **48.2 juta ringgit**.

117. Kerajaan Negeri juga komited untuk meneruskan pembinaan **Lebuhraya Pesisir Pantai**, yang mana cadangan pelaksanaan

projek ini akan dipohon semula di bawah *Rolling Plan* Ketiga (RP3) RMK-12.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

118. Menyentuh tentang lebuhraya juga, teringat saya Lebuhraya Pan-Borneo merentasi Sabah dan Sarawak, yang menjadi *game-changer* kepada pembangunan sosio-ekonomi kepada masyarakat pribumi di sana.
119. Saya menyebut Sarawak kerana, tak sampai sebulan kita menang di PRN Melaka, bayu kemenangan berpuput-puput pula ke Bumi Kenyalang.
120. Lantaran itu, sekalung tahniah kepada Gabungan Parti Sarawak atau GPS yang diketuai oleh 'Apai Besai Sarawak', iaitu **YAB Tan Sri Datuk Patinggi Dr Abang Haji Zohari Tun Openg**, kerana memperoleh kemenangan besar, iaitu 76 daripada 82 kerusi, jauh melebihi majoriti dua pertiga. **Tepukan tahniah kepada Apai Besai 'Abang Jo' dan Kerajaan Negeri Sarawak!!**

### **Inisiatif 5: Pemilikan Perumahan**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

121. Bagi memastikan setiap peringkat masyarakat di negeri Melaka dapat menikmati faedah pembangunan perumahan, Kerajaan Negeri melaksanakan inisiatif berikut:

- PERTAMA:** Menyediakan **skim perumahan mampu milik yang berkualiti tinggi** pada harga **250 ribu ringgit** mulai 1 Januari 2022. Pembinaan Rumah Mampu Milik sebanyak 46,163 unit ditawarkan kepada rakyat berpendapatan rendah dan sederhana. Sehingga 8 Disember 2021, sebanyak 9,678 unit rumah telah berjaya disiapkan, 16,424 unit dalam peringkat pembinaan, manakala sebanyak 18,403 unit telah mendapat kelulusan dan di dalam peringkat perancangan.
- KEDUA:** Menawarkan **konsep rumah sewa beli**, iaitu menukar konsep sewa kepada sewa beli (**Rent to Own**) kepada rakyat yang layak bagi **PPR Krubong dan PPR Tehel**;
- KETIGA:** Meneruskan **Skim Program Perumahan Rakyat Miskin**, iaitu dengan membina baharu **Rumah Prihatin** sebanyak **58 unit** pada tahun 2022;
- KEEMPAT:** Meneruskan inisiatif **5 peratus diskaun pembangunan Tanah Adat Melaka** untuk **harga jualan rumah bernilai melebihi 80 ribu ringgit**; dan
- KELIMA:** Meneruskan **pinjaman perumahan bumiputera** melalui **Dana Hartanah Bumiputera** bagi pembelian rumah siap atau pembinaan rumah atas tanah sendiri.



## **STRATEGI KETIGA: MENGHIDUPKAN PERSEKITARAN KONDUSIF**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

122. Strategi ini menumpukan kepada usaha berterusan menjadikan rakyat dan pelancong yang datang ke negeri ini, selesa dengan persekitaran kondusif Negeri Melaka.

### **Inisiatif 1: Negeri Terbersih, Indah, Ceria dan Selamat**

123. Kerajaan Negeri telah mengenalpasti tindakan-tindakan yang perlu dilaksanakan oleh PBT melalui inisiatif berikut:

**PERTAMA:** Selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri, menjadikan Melaka ibarat **Negeri Cantik Seribu Bunga**, keutamaan akan diberikan kepada kerja-kerja meningkatkan keindahan dan keceriaan di kawasan tumpuan. Selain itu, skop pembersihan turut diperluas kepada kerja-kerja pembersihan sampah-sampah longgok atau sampah haram serta pemeriksaan dan penggredan tandas awam bagi memastikan kebersihan persekitaran;

**KEDUA:** Projek-projek **pembangunan infrastruktur dan utiliti** serta **menaik taraf kemudahan awam** seperti padang, dewan, pasar, gerai dan sistem pencahayaan akan diteruskan untuk memberi manfaat kepada rakyat.

Di samping itu, kompleks-kompleks sukan dan kemudahan rekreasi akan terus diselenggara untuk kemudahan rakyat menjalankan aktiviti bersukan dan riadah;

**KETIGA: Program Sanitasi** di kawasan awam dilaksanakan dari semasa ke semasa, bagi memutuskan rantaian penularan wabak COVID-19. Selain itu, **pemantauan ke atas pematuhan SOP** juga dibuat di premis perniagaan termasuk kawasan penjaja dan riadah, kilang-kilang perindustrian, dan asrama pekerja kilang;

**KEEMPAT:** Pemasangan *Smart CCTV* di bawah **Program Bandar Selamat** sejajar dengan Pelan Digital Melaka,. Pemantauan keselamatan dan vandalisme secara berterusan dibuat dengan menggunakan kamera litar tertutup (CCTV) yang diletakkan di lokasi khusus. Selain itu, penguatkuasaan secara menyeluruh juga dibuat ke atas petak letak kereta.

## **Inisiatif 2: Kelestarian Alam Sekitar**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

124. Dalam usaha mencapai halatuju Menuju Negeri Lestari, Kerajaan Melaka akan terus menjaga alam sekitar melalui inisiatif berikut:

- PERTAMA:** Program **penanaman semula pokok berjumlah 50 ribu ringgit kepada setiap PBT dan Jabatan Perhutanan Negeri** dengan peruntukan berjumlah **250 ribu ringgit**;
- KEDUA:** Memastikan **sungai-sungai di Melaka** antara **terbersih** di Malaysia; dan
- KETIGA:** Meningkatkan **hukuman ke atas pencemar alam sekitar**, dengan cadangan mewujudkan denda minimum tidak kurang daripada **5 ribu ringgit**, dan denda maksimum tidak lebih **10 juta ringgit** kepada pelaku jenayah pencemaran alam sekitar. Cadangan pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada suku pertama tahun 2022.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

125. Di perspektif berbeza, jangan sesekali kita lupa bahawa, di kala kini, sungguhpun kita berdepan pelbagai dugaan, dari satu masalah ke satu masalah, namun akhirnya kita berjaya selesaikan dengan baik walaupun menempuh kesukaran.
126. Di belakang tabir semuanya itu adalah *frontliners* yang kita kasihi. Mereka antaranya pasukan kesihatan, *team* keselamatan, dan *volunteers*, yang sanggup berkorban walaupun nyawa menjadi taruhan.

127. **Lantas, bersamalah kita hargai dengan setinggi terima kasih, serentak kita beri tepuk penghargaan berganda kepada *frontliners* dan *volunteers* Negeri Melaka yang kita kasihi!**

## **FOKUS KEDUA: KEMAMPANAN EKONOMI**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

128. Semua sektor ekonomi telah terjejas secara langsung akibat pandemik COVID-19. Kerajaan Negeri menyediakan pelbagai inisiatif dan insentif bagi melonjak prestasi sektor ekonomi negeri.

## **STRATEGI PERTAMA: M-WEZ PEMACU EKONOMI**

129. *Melaka Waterfront Economic Zone (M-WEZ)* merupakan *Big Move and Game Changer* yang baharu sebagai pemacu ekonomi negeri Melaka. Kerajaan Negeri akan menyelaraskan semula konsesi tambahan sedia ada, di samping merangka perancangan pembangunan di dalam kawasan M-WEZ untuk merealisasikan visi M-WEZ menjadi sebuah koridor ekonomi bertaraf antarabangsa.

### **Inisiatif 1: Kesan Pengganda M-WEZ**

130. Dengan kewujudan M-WEZ, pelbagai impak yang Kerajaan Negeri dan rakyat negeri Melaka akan perolehi. Antaranya:

- PERTAMA:** Koridor M-WEZ sebagai pemangkin ekonomi baharu bakal memberi **kesan peningkatan ekonomi kepada pembangunan kawasan setempat**. Kerajaan Negeri mensasarkan pelaburan berimpak tinggi bernilai **100 bilion ringgit** yang seterusnya akan menyumbang kepada pertumbuhan KDNK Negeri Melaka sebanyak 5 peratus atau 2 bilion ringgit setahun;
- KEDUA:** **10,000 peluang pekerjaan baharu dijangka akan diwujudkan**, sekaligus dapat meningkatkan pendapatan rakyat setempat serta menurunkan kadar pengangguran negeri;
- KETIGA:** Kepelbagaian sektor ekonomi di kawasan M-WEZ akan membolehkan kutipan hasil diperolehi menerusi konsesi tambakan laut. Berdasarkan *Blueprint* M-WEZ, terdapat seluas 6,400 ekar kawasan yang belum ditambah untuk dibangunkan oleh bakal konsesi dengan **nilai jangkaan hasil sebanyak 512 juta ringgit**;
- KEEMPAT:** Pembangunan tanah kerajaan sedia ada yang diserahkan oleh konsesi adalah berpotensi untuk dibangunkan menerusi **inisiatif penswastaan dengan jangkaan nilai pulangan sebanyak 100 juta ringgit**;

**KELIMA:** Kedudukan strategik negeri di perairan Selat Melaka, ekonomi maritim akan diperkukuhkan melalui cadangan pembangunan pelabuhan yang baharu. Pengendalian **aktiviti ekonomi maritim seperti *ship-to-ship*** serta perkhidmatan sokongan lain akan mampu menjana ekonomi negeri dengan lebih aktif;

**KEENAM:** Perancangan pembangunan **M-WEZ Cruise City** akan memperkukuhkan negeri Melaka sebagai destinasi **pelancongan cruise** bagi memenuhi permintaan golongan T20;

**KETUJUH:** Koridor M-WEZ juga akan turut menyediakan **pantai untuk kegunaan umum sebagai rekreasi awam** yang akan merancakkan lagi sektor pelancongan; dan

**KELAPAN:** Dalam memacu ekonomi negeri, pembangunan di koridor M-WEZ turut akan memberi keutamaan dalam menjaga **kelestarian alam sekitar** di samping terus **memelihara kawasan warisan.**

## **STRATEGI KEDUA: MERANCAKKAN MELAKA SEBAGAI DESTINASI PELABURAN**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

131. Kerajaan Negeri akan memastikan **Melaka terus unggul sebagai negeri mesra pelabur** untuk mengembangkan

perniagaan. Meskipun dunia masih bergelut dengan pandemik COVID-19, peningkatan prestasi pelaburan pada suku pertama tahun 2021, berbanding tempoh sama pada tahun lalu menunjukkan Malaysia masih menjadi destinasi pelaburan untuk sektor pembuatan, perkhidmatan dan industri utama.

### **Inisiatif 1: Pelaburan Berpotensi**

132. Sektor-sektor pelaburan yang berpotensi dan berteknologi tinggi yang menerap cabaran Revolusi Industri 4.0 akan digiat promosi dan menarik pelabur-pelabur asing ke Negeri Melaka. Pelaburan berpotensi antaranya, *advanced electronics*, kepakaran kimia, *specialized machinery and equipment*, bioteknologi, peranti perubatan, industri aeroangkasa, minyak dan gas, ICT dan pusat data serta teknologi maritim.
133. Bagi Negeri Melaka, sasaran **5 bilion ringgit** bagi nilai pelaburan tahunan di dalam pelaburan asing dan tempatan merupakan fokus utama Kerajaan Negeri pada setiap tahun. Sehingga suku tahun ketiga 2021, sebanyak 111 projek telah diluluskan dengan 3,110 peluang pekerjaan melibatkan **jumlah pelaburan sebanyak 4.82 bilion ringgit** di mana 3.4 bilion adalah pelaburan asing manakala 1.42 bilion adalah pelaburan tempatan.

## Inisiatif 2: Perancangan Industri

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

134. Sektor pembuatan merupakan salah satu sektor utama ekonomi negeri, Kerajaan Negeri mengambil langkah bagi merencanakan pelaburan melalui inisiatif seperti berikut:

**PERTAMA:** *Melaka Energy Corridor (MEC)* yang merupakan usahasama di antara Kerajaan Negeri dengan pihak swasta untuk membangunkan infrastruktur berteraskan hub tenaga, seperti tenaga gas, haba dan air yang mampu menjadi pemangkin terhadap pembangunan kawasan industri petrokimia dan lain-lain industri;

**KEDUA:** **My I-Park@Elkay** berkonsepkan *Gated and Guarded*, bersebelahan Kawasan Perindustrian Elkay, Lipat Kajang, Jasin dengan keluasan 601 ekar sebagai kawasan yang berpotensi untuk dimajukan;

**KETIGA:** Peluang-peluang pelaburan di dalam **industri maritim di Umbai**; dan

**KEEMPAT:** Kerajaan Melaka juga telah mengenalpasti **kawasan industri Taboh Naning** seluas 130 ekar sebagai kawasan yang strategik untuk pembangunan pelabuhan darat (**Inland Port**).



135. Bagi memastikan persekitaran kerja yang selamat dan produktif dengan meminimalkan penyebaran wabak COVID-19, pekerja-pekerja asing perindustrian ditempatkan di **Centralised Labour Quarters (CLQ)**. Pada masa ini, sebanyak 5 CLQ telah diwujudkan di Merlimau, Londang, Batu Berendam, Durian Tunggal dan Ayer Keroh. Kerajaan juga bercadang untuk membina CLQ yang baharu di lokasi-lokasi yang strategik serta mempunyai permintaan tinggi.

### **STRATEGI KETIGA: MEMACU INDUSTRI PELANCONGAN MELAKA SEBAGAI DESTINASI UNGGUL**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

136. Sektor pelancongan menjadi penyumbang terbesar kepada KDNK negeri Melaka, iaitu sebanyak 48 peratus pada tahun 2019, dengan nilai output 20.94 bilion. Pada tahun 2021, pandemik COVID-19 telah merencatkan usaha Kerajaan Negeri menarik kedatangan pelancong ke negeri Melaka, di samping menjejaskan kempen promosi *Melakan Visit Melaka* dan Gelembung Pelancongan untuk mencapai sasaran 1 juta pelancong. Justeru, pelan pemulihan dirangka bagi merancakkan sektor pelancongan.

#### **Inisiatif 1: Pelan Pemulihan Pelancongan**

137. Pemulihan sektor pelancongan ini akan dilaksanakan secara berperingkat, dan akan mengambil masa selama enam bulan hingga setahun, bagi memastikan kesemua sektor ekonomi ini dapat beroperasi dan pulih seperti sediakala, antaranya melalui:

**PERTAMA:** **Program Sijil Pengesahan 100 Peratus Vaksin Lengkap** melibatkan 44,829 orang penggiat industri pelancongan selaku *economic frontliners*;

**KEDUA:** **Program Pensijilan Patuhi dan Amal SOP COVID-19 Negeri Melaka** dengan kerjasama Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). Melaka telah menjadi negeri pertama 100 peratus patuh dan amal SOP COVID-19 bagi Premis Pelancongan di peringkat kebangsaan;

**KETIGA:** ***Melaka Safe Haven dan Melaka is the Place to Be*** merupakan *tagline* yang diperkenalkan dengan memfokuskan Melaka sebagai sebuah negeri yang selamat dan bersih untuk dikunjungi;

**KEEMPAT:** **Kempen Promosi *Relax at Melaka (Relax@Melaka)*** menampilkan aktiviti percutian yang lebih santai di Melaka dengan menekankan pematuhan SOP, dan norma-norma baharu dalam mengekang penularan wabak COVID-19. Kempen ini akan diperhebatkan pada tahun 2022 berdasarkan kepada 14 Sub-Sektor Pelancongan Negeri Melaka;

**KELIMA:** **Program Destinasi Bebas COVID-19** di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

Malaysia (MOTAC) menyenaraikan 5 destinasi pelancongan popular di Melaka, iaitu Muzium Samudera dan Muzium Kapal Selam, *Melaka River Cruise*, Menara Taming Sari, Zoo Melaka dan *A'Famosa Resort*; dan

**KEENAM: Kempen Cabutan Bertuah Vax & Win** bermula pada 1 Ogos 2021 hingga 31 Mac 2022, dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Melaka dan *NCT Alliance* ini terbuka kepada warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas dan telah menerima dua dos suntikan vaksin COVID-19. Hadiah utama merupakan sebuah unit hartanah *Ion Forte Green City* di Melaka bernilai 0.42 juta ringgit dan sebuah unit hartanah *Grand Ion Majestic* di Genting Highlands, Pahang bernilai 0.57 juta ringgit. Peserta juga berpeluang untuk memenangi sepuluh hadiah bulanan sepanjang tempoh kempen ini berlangsung.

## **Inisiatif 2: Pelan Digital Pelancongan**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

138. Kerajaan Negeri Melaka akan terus meluaskan capaian promosi melalui platform digital dengan lebih agresif secara atas talian, antaranya:

**PERTAMA:** Platform **Melaka eXcess** akan mempromosi dan menjual produk dan perkhidmatan pelancongan melalui Kempen *Dream Now Travel Later* yang menawarkan Pakej Keluarga pada harga durian runtuh. Setiap pengguna yang memuat turun aplikasi ini akan mendapat kredit 10 ringgit yang boleh digunakan di dalam *Melaka eXcess* ini;

**KEDUA:** **Kempen Promosi Melaka E-Bazaar: *Buy Now, Travel Later*** di dalam platform Lazada berlangsung sehingga 31 Disember 2021. Kerajaan Negeri Melaka telah memperuntukkan sebanyak 100 ribu ringgit yang digunakan sebagai e-baucer berbentuk kupon diskaun sehingga 50 peratus bagi pembelian produk dan perkhidmatan pelancongan negeri Melaka; dan

**KETIGA:** Platform e-Dagang **Melaka Easy Shop** membantu mempromosi dan membuka peluang pasaran yang luas kepada usahawan-usahawan dengan mengadaptasi model perniagaan Shopee, Lazada, Food Panda dan Grab Food.

### **Inisiatif 3: Pelan Induk Pelancongan Negeri Melaka**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

139. Bagi tahun 2022, Kerajaan Negeri Melaka mensasarkan kehadiran 1.1 juta pelancong ke negeri Melaka, pelbagai pendekatan dan perancangan telah dibuat melalui **Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 di bawah Flagship 6: Melaka Negeri Pelancongan** dengan menggariskan **5 Strategi** berikut:

**PERTAMA:** Menjadikan negeri Melaka di antara **3 destinasi pelancongan popular di Malaysia** dan **terunggul di dunia**;

**KEDUA:** Menjadikan negeri Melaka sebagai **destinasi pelancongan MICE utama di Malaysia**;

**KETIGA:** Menjadikan negeri Melaka sebagai **destinasi pelancongan sejarah, warisan dan budaya utama di Malaysia**;

**KEEMPAT:** **Pembangunan pelbagai produk baharu dan menaik taraf produk pelancongan sedia ada**; dan

**KELIMA:** **Usahasama bersepadu dan strategik di antara penggiat industri pelancongan negeri Melaka.**

140. Kerajaan Negeri Melaka dengan kerjasama *Plan Malaysia* sedang menyediakan **Pelan Induk Pelancongan Negeri Melaka** bagi memandu pembangunan pelancongan semasa dan dalam landskap pelancongan pasca COVID-19 supaya berdaya saing, mampan, inklusif dan berdaya tahan.
141. Strategi pemasaran pelancongan yang drastik dengan memfokuskan kepada **pelancong domestik** bagi meningkatkan kembali pertumbuhan ekonomi negeri ini. Pendekatan untuk meluaskan promosi destinasi Melaka dibuat melalui kaedah atas talian berkonsepkan hibrid bagi tempoh 6 hingga 12 bulan ke hadapan.

#### **Inisiatif 4: Acara Pelancongan**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

142. Kerajaan Negeri akan menganjurkan **program** atau **Festival Malaysia Melaka melibatkan semua kaum dan etnik di Melaka** melalui 60 acara pelancongan dengan **12 acara pelancongan utama** pada tahun 2022, antaranya:
- 1) Sambutan Tahun Baru Cina Negeri Melaka pada 30 Januari 2022 di Jonker Walk, Melaka;
  - 2) Sambutan Melaka Bandaraya Bersejarah Ke-19 di Banda Hilir, Melaka pada 15 April 2022;
  - 3) Karnival Warisan Kita pada 27 hingga 29 Mei 2022 di Jalan Kota, Banda Hilir, Melaka;

## **Inisiatif 5: Destinasi Pelancongan Unggul**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

143. Selanjutnya, dalam usaha memacu industri pelancongan Melaka sebagai destinasi unggul, inisiatif berikut akan dilaksanakan:

**PERTAMA:** Membangunkan **Taman Laut Melaka** di Pulau Undan, Pulau Nangka dan Pulau Dodol yang menawarkan pelbagai aktiviti seperti *snorkeling* dan *scuba diving*. Selain itu, keunikan geologi negeri Melaka dengan kepelbagaian flora dan fauna juga berpotensi untuk dibangunkan. Justeru, bagi tujuan menambahbaik aktiviti pelancongan, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan **Kajian Pembangunan Melaka Island Geopark dan Island Zipline di Pulau Besar** dengan implikasi kewangan berjumlah **1.0 juta ringgit**;

**KEDUA:** **Menaik taraf kemudahan awam di Pulau Besar** dengan memperuntukkan sejumlah **500 ribu ringgit** bagi 3 projek utama, iaitu menaik taraf Muzium Pulau Besar kepada Pusat Informasi Pulau Besar, membina laluan pejalan kaki pesisir pantai Pulau Besar sepanjang 400 meter, dan membina Jeti Terapung Pulau Dodol;

**KETIGA:** **Care Pelancongan** iaitu **insentif kepada pengusaha kecil pelancongan** berbentuk **geran bantuan modal** berjumlah **200 ribu ringgit**;

**KEEMPAT:** Memperkasa pelancongan kesihatan atau *'health tourism'* untuk menjadikan **Melaka sebagai Wilayah Kesihatan Serantau** dengan menarik pelabur dari 5 negara iaitu Indonesia, Singapura, Brunei, Thailand dan Vietnam;

**KELIMA:** **Melaka Archipelago** adalah kluster 16 buah pulau yang berpotensi untuk dijadikan produk eko pelancongan yang baharu di Negeri Melaka. Pulau Besar atau *The Southern Jewel* merupakan *gateway* yang menyediakan aktiviti rekreasi sukan air; dan

**KEENAM:** Kerajaan Negeri juga akan menjadi pemudahcara bagi **dasar pelepasan dan pengurangan cukai** kepada pusat-pusat pelancongan yang menawarkan pakej premium.

## **STRATEGI KEEMPAT: MENGUPAYA SEKTOR PERTANIAN**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

**Inisiatif 1: Kelangsungan Nelayan, Petani dan Penternak**



144. Bagi mengupaya ekonomi rakyat yang terlibat dengan sektor pertanian, Kerajaan Melaka mengambil langkah untuk melaksanakan inisiatif berikut:

**PERTAMA:** **Sara Nelayan** iaitu **insentif sara hidup** secara *one-off* bernilai **seribu ringgit seorang** kepada **1,176 orang nelayan berdaftar** yang akan **dibayar sebanyak 4 kali**, dengan implikasi kewangan berjumlah **1.18 juta ringgit**;

**KEDUA:** Menambah baik **infrastruktur dan penempatan untuk nelayan, petani dan penternak** berjumlah **500 ribu ringgit**;

**KETIGA:** Membangunkan **nelayan laut dalam** dengan memperuntukkan **300 ribu ringgit** bagi tujuan kajian;

**KEEMPAT:** Menambahbaik **skim subsidi peralatan untuk nelayan, petani dan penternak** berjumlah **100 ribu ringgit**;

**KELIMA:** Menguruskan permohonan **skim perlindungan insurans** bagi **1,176 nelayan, 2,104 penternak dan 1,387 petani**;

**KEENAM:** Mengkaji semula nilai **pampasan kepada nelayan** yang terjejas akibat tambak laut;

**KETUJUH:** Mewujudkan dasar baharu bagi menyediakan **perumahan nelayan** yang terjejas akibat tambak laut;

**KELAPAN:** Memastikan **kawasan tangkapan ikan** dikekalkan dan terus terpelihara; dan

**KESEMBILAN:** Melaksanakan kajian ke arah memodenkan sektor pertanian Melaka sebagai **Lembah Pertanian Bandar (*Urban and Vertical Farming*)**.

## **Inisiatif 2: Sektor Pertanian**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

145. Sepanjang tempoh negara menghadapi cabaran getir wabak pandemik COVID-19, sektor pertanian dilihat menjadi amat penting bagi merancakkan semula ekonomi negeri. Penumpuan dilihat kepada rangkaian agro-makanan, di samping mengaktifkan bekalan makanan sepanjang tempoh yang getir ini.

146. Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan geran **food security** berjumlah **8 juta ringgit** bagi membiayai Projek Tanaman dan Pemprosesan Tumbuhan Hijau Sumber Makanan Haiwan Ternakan yang terdiri daripada jagung manis, bijirin dan napier.

147. Selain itu, untuk meningkatkan kembali sosioekonomi pertanian, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **2.75 juta ringgit** untuk pembangunan sektor ini yang akan memberi manfaat kepada **500 orang petani**.
148. Di bawah projek **Industri Tanaman Makanan**, sebanyak **690 ribu ringgit** diperuntukkan yang memberi manfaat kepada **200 orang petani**. Pengeluaran sayur-sayuran, buah-buahan, tanaman industri dan tanaman padi dijangka dapat dipertingkatkan.
149. Kerajaan Negeri juga telah meluluskan **2 inisiatif baharu** sektor pertanian seperti berikut:

**PERTAMA: Projek Kluster Tanaman Durian Dan Kelapa**

Peningkatan permintaan daripada masyarakat setempat dan juga luar negara membuka peluang bagi projek kluster dilihat mampu meningkatkan pendapatan petani dan menjadikan Melaka sebagai salah satu prospek **hub agromakanan negara**. Potensi **tanaman durian** sebagai salah satu sumber kekayaan baharu kerana boleh menembusi pasaran luar negara seperti China. Usaha ini adalah selari dengan kehendak Kerajaan Persekutuan untuk mempelopori dan memenuhi keperluan eksport dengan skala yang lebih besar.

Selain itu, **tanaman kelapa** sebagai salah satu sumber yang menjadi tarikan pelancongan dan

sinonim dengan Melaka, melalui penghasilan produk hiliran seperti *coconut shake* dan dodol. Sehubungan itu, peruntukan sebanyak **400 ribu ringgit** akan disalurkan, di mana dianggarkan seluas **50 hektar tanaman durian dan kelapa** dapat dibangunkan yang akan memberi manfaat kepada **50 orang petani**.

**KEDUA: Program Khas Sektor Pertanian**

Satu Program Khas telah diluluskan dengan peruntukan **70 ribu ringgit** bagi mengurangkan beban petani yang terjejas akibat bencana banjir. Bantuan input pertanian baja, anak pokok dan keperluan pertanian.

150. Bagi inisiatif **pertanian pintar** pula, Kerajaan Negeri menggalakkan penggunaan **Internet of Things (IoT)** dalam sektor pertanian, selaras dengan Dasar Revolusi Industri 4.0 yang diyakini dapat membantu sektor pertanian ke arah *precision farming* dan peningkatan produktiviti pengeluaran. **100 ribu ringgit** diperuntukkan bagi tujuan pembangunan teknologi pertanian.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

### ***Souq Subuh***

151. Acap kali ketika ‘melawat kawasan’ waktu hujung minggu, saya mulakan program dengan solat Subuh berjemaah, mendengar tazkirah dan menyampaikan bantuan kepada ahli qariah yang memerlukan.
152. Bagi memantapkan lagi pengisiannya, kebetulan sekarang ini saya dengar, sedang ‘soksek-soksek’ tentang kenaikan harga barang. Saya mencadangkan supaya diadakan jualan harga berpatutan dan jika boleh, lebih rendah daripada harga pasaran, yang kita namakan sebagai “**Pasar Subuh**” atau Arabnya “**Souq Subuh**”, di mana waktunya bermula selepas Subuh.
153. Bagi menjayakannya, kita akan bekerjasama dengan FAMA dan saya menyeru kepada mana-mana pasaraya yang berminat untuk menawarkan harga barangan keperluan, lebih rendah daripada harga pasaran dalam inisiatif **Souq Subuh** ini.

### **Inisiatif 3: Sektor Perikanan**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

154. Sektor perikanan merupakan sektor penting yang menjadi sumber makanan dan aktiviti sosio ekonomi penduduk setempat. Sektor ini terdiri daripada dua aktiviti utama, iaitu **perikanan tangkapan dan industri akuakultur** yang

menyumbang kepada sumber ikan dan pendapatan nelayan dan pengusaha akuakultur di negeri Melaka.

155. Pada tahun 2022, Kerajaan Negeri mensasarkan **tangkapan perikanan** kekal kepada **1,900 tan metrik**, manakala, **industri akuakultur** dijangka kekal pada tahap **4,000 tan metrik**, dengan syarat kapasiti pengeluaran sedia ada dapat dikekalkan. Bagi industri pengeluaran **ikan hiasan** dijangka stabil sekitar **300,000 ekor**.
156. **Projek ternakan baharu** yang akan ditumpukan pada tahun 2022 adalah **ikan marin dalam sangkar, kerang-kerangan dan tilapia**.

## **STRATEGI KELIMA: MENERUSKAN KEHIDUPAN PASCA COVID-19**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

157. Sepanjang pandemik COVID-19 melanda negara kita, semua sektor ekonomi terjejas, dan ada yang tidak dapat beroperasi atau terpaksa tutup kedai. Strategi kelima adalah inisiatif Kerajaan Negeri untuk menyokong kelangsungan kehidupan rakyat pasca COVID-19.

### **Inisiatif 1: Kelangsungan Perniagaan**

158. Kerajaan Negeri melalui Bajet 2022 akan melaksanakan inisiatif bagi menyokong **kelangsungan kehidupan peniaga yang terkesan akibat COVID-19** seperti berikut:

- PERTAMA:** Meneruskan **Dana Kasih Niaga**, kepada seribu usahawan dan peniaga, dengan implikasi kewangan berjumlah **1 juta ringgit**;
- KEDUA:** **Mengurangkan 50 peratus ke atas caj lesen penjaja dan peniaga kecil** kepada **hampir 6 ribu pemegang lesen**, berjumlah **400 ribu ringgit**;
- KETIGA:** Menyediakan **latihan dan bantuan** untuk memulakan urusan niaga **e-hailing** dan meneruskan **Melaka Easy Shop** sebagai **platform dalam talian** untuk memasarkan makanan, kraftangan serta produk secara percuma, dengan implikasi kewangan berjumlah **100 ribu ringgit**;
- KEEMPAT:** Mengecualikan kenaikan kadar sewa premis peniagaan di bawah PKNM bagi semua pembaharuan perjanjian sewa yang tamat pada tahun 2021 dan 2022 kepada **349 penyewa**, berjumlah **100 ribu ringgit**;
- KELIMA:** Memberi diskaun sewa **10 hingga 50 peratus** bagi tempoh **September 2021 hingga Disember 2022** kepada semua penyewa **Yayasan Melaka** dengan peruntukan **500 ribu ringgit**;
- KEENAM:** Memberi diskaun sewa sehingga **25 peratus** bagi tempoh **September 2021 hingga Mac**

**2022 kepada semua penyewa Yayasan Melaka dalam kategori SME, sebanyak 74 ribu ringgit;**

**KETUJUH: Mengurangkan sehingga 30 peratus bayaran kompaun di bawah Undang-Undang Kecil PBT;**

**KELAPAN: Memperbanyak tempat berniaga dengan infrastruktur** asas yang lengkap, mewujudkan zon kawasan perniagaan yang lebih terancang dan meneruskan inisiatif **Melaka Bebas Niaga;**

**KESEMBILAN: Remisi sehingga 25 peratus daripada Cukai Taksiran untuk premis terjejas / pegangan kosong sahaja; dan**

**KESEPULUH: Mengurangkan 30 peratus fi proses PBT untuk pemaju yang memajukan tanah berstatus MCL.**

159. Selain itu, **Melaka Finance House** juga menyediakan inisiatif bagi menyokong **kelangsungan kehidupan para peminjam yang terkesan akibat COVID-19** seperti berikut:

**PERTAMA: Penawaran pembelian aset milik Melaka Finance House melalui kaedah *Rent to Own*, dengan implikasi kewangan berjumlah 3.98 juta ringgit;**



- KEDUA:** Penawaran penstrukturan semula pinjaman yang mempunyai tunggakan melebihi 3 bulan kepada 392 peminjam, berjumlah 1.34 juta ringgit;
- KETIGA:** Tiada kenaikan denda lewat pada kadar 8 peratus bagi tunggakan pinjaman kepada 414 peminjam, dengan implikasi kewangan berjumlah hampir 109 ribu ringgit;
- KEEMPAT:** Penangguhan bayaran balik pinjaman perumahan di bawah Dana Hartanah Bumiputera bagi tempoh 3 bulan pertama iaitu Januari hingga Mac 2022 kepada 58 peminjam berjumlah 56 ribu ringgit;
- KELIMA:** Penawaran pinjaman semula kepada peminjam yang mempunyai tunggakan 1 hingga 3 bulan, pada kadar 1.5 peratus sebulan kepada 3 peminjam, dengan implikasi kewangan berjumlah hampir 34 ribu ringgit;
- KEENAM:** Tiada kenaikan sewaan premis milik Melaka Finance House, dengan implikasi kewangan berjumlah hampir 33 ribu ringgit;
- KETUJUH:** Tiada kenaikan denda lewat pada kadar 10 peratus bagi tunggakan sewaan premis milik Melaka Finance House sebanyak 27 unit, berjumlah 22 ribu ringgit; dan

**KELAPAN:** Tiada tindakan undang-undang diambil bagi tempoh 3 bulan pertama iaitu Januari hingga Mac 2022 kepada 392 peminjam, dengan implikasi kewangan berjumlah hampir **21 ribu ringgit.**

## **Inisiatif 2: Kelangsungan Kehidupan Pasca COVID-19**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

160. Kerajaan Negeri menawarkan pelbagai inisiatif bagi tahun 2022 untuk rakyat Melaka bagi meneruskan kehidupan pasca COVID-19, seperti berikut:

**PERTAMA:** Pengurangan 10 peratus cukai tanah, dengan implikasi kewangan berjumlah **9.37 juta ringgit;**

**KEDUA:** Pengurangan 10 peratus cukai taksira, dengan implikasi kewangan berjumlah **23.06 juta ringgit;**

**KETIGA:** Menawarkan **diskaun 10 peratus** untuk rakyat Melaka menjalani **RT-PCR** di Perbadanan Bioteknologi Melaka bagi mengesan individu yang dijangkiti COVID-19;

**KEEMPAT:** Menyediakan **tawaran harga rendah** bagi **pembelian barangan seperti hand sanitizer,**

*face mask* dan **kit ujian RTK-Antigen** di Perbadanan Bioteknologi Melaka;

**KELIMA:** **Pengurangan 10 peratus bayaran kepada penggunaan 20 meter padu air untuk kediaman domestik dan 10 meter padu air untuk premis komersial;** dan

**KEENAM:** **Tiada caj rawatan** akan dikenakan kepada rakyat Melaka yang dijangkiti COVID-19 dan mendapat rawatan di hospital Kerajaan serta perlu membuat **rawatan susulan** selepas disahkan **bebas COVID-19**.

### **Inisiatif 3: Kelangsungan Hidup Asnaf**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

161. Usaha memperkukuh institusi ekonomi Islam, demi menjamin kelangsungan hidup para fakir dan asnaf, pada tahun 2022, Kerajaan Negeri melalui Zakat Melaka mensasarkan kutipan berjumlah **108 juta ringgit** iaitu meningkat 2.86 peratus, berbanding sasaran kutipan 2021 yang berjumlah 105 juta ringgit. Zakat Melaka mensasarkan kutipan **Zakat Harta** berjumlah **102.85 juta ringgit**, manakala **Zakat Fitrah** berjumlah **5.15 juta ringgit**.
162. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Melaka komited untuk meneruskan **bantuan kepada asnaf** bagi tahun 2022, seperti berikut:

- PERTAMA:** Bantuan makanan kepada 8,640 orang asnaf berjumlah **22.02 juta ringgit**;
- KEDUA:** Insentif Khas COVID-19 Aidil Fitri 2.0 Asnaf berjumlah **4.78 juta ringgit**;
- KETIGA:** Bantuan sukarelawan asnaf kepada 310 penerima berjumlah **1.93 juta ringgit**;
- KEEMPAT:** Bantuan tambahan *one-off* sebagai persediaan Aidil Adha kepada 8,300 Ketua Isi Rumah Asnaf Miskin berjumlah **830 ribu ringgit**;
- KELIMA:** Bantuan Ta'awun Muallaf Khas Aidil Adha secara *one-off* kepada 1,500 penerima berjumlah **450 ribu ringgit**;
- KEENAM:** Bantuan perniagaan asnaf berjumlah **400 ribu ringgit**;
- KETUJUH:** Bantuan makanan kecemasan secara *one-off* kepada 3,000 orang asnaf yang berdaftar dalam sistem iAsnaf berjumlah **250 ribu ringgit**;
- KELAPAN:** Program keusahawanan asnaf berjumlah **100 ribu ringgit**; dan
- KESEMBILAN:** Bantuan Aidil Adha kepada 220 orang asnaf berjumlah **44 ribu ringgit**;

163. Selain itu, **bantuan baharu untuk asnaf** juga disediakan seperti berikut:

**PERTAMA: Bantuan Pengangkutan Asnaf** berjumlah **30 ribu ringgit**;

**KEDUA: Bantuan untuk Asnaf Fakir** berjumlah **210 ribu ringgit** bagi tujuan Bantuan Jagaan Orang Tua Terlantar, Bantuan Bayaran Ambulan, Bantuan Bayaran Cucian Luka, Bantuan Bayaran Pengurusan Jenazah dan Bantuan Khas Kit Ibadah;

**KETIGA: Bantuan untuk Asnaf Miskin** berjumlah **1.44 juta ringgit** bagi tujuan Bantuan Khas Kit Ibadah, Bantuan Bayaran Jagaan Orang Tua Terlantar dan Bantuan Bayaran Cucian Luka; dan

**KEEMPAT: Bantuan untuk Asnaf Muallaf** berjumlah **849 ribu ringgit** bagi tujuan Bantuan Tunai Bulanan Muallaf Baharu, Bantuan Jagaan Asnaf Muallaf Terlantar, Bantuan Penjaga Muallaf, Insentif Usahawan dan Sewaan Rumah Transit Luar.

## STRATEGI KEENAM: MEMPERLUASKAN INISIATIF PINTAR

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

164. Agenda Pembangunan Negeri Melaka di bawah Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 menekankan inisiatif pintar, dan pemeraksanaan data sebagai tunjang utama dalam meningkatkan perkhidmatan digital. Inisiatif pintar diperluaskan bagi meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada rakyat melalui inisiatif *Smart Melaka-Smart Energy*, Platform Digital dan Data Raya Negeri Melaka.

### **Inisiatif 1: *Smart Melaka-Smart Energy***

165. Selari dengan *Quick Win: Smart Melaka-Smart Energy* di bawah Flagship 4 Digital Melaka, Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035, lebih banyak penjana tenaga boleh diperbaharui untuk dilaksanakan di negeri Melaka.. Justeru, antara inisiatif amalan hijau yang perlu dilaksanakan adalah:

**PERTAMA:** Menggalakkan pemasangan Solar Atas Bumbung (**Solar Roof-Top**) di bangunan kerajaan, swasta dan juga perumahan, menerusi skim *Net Energy Metering* yang diperkenalkan oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli;

**KEDUA:** Mewajibkan pematuhan Garis Panduan **Meterai Hijau Melaka**, yang mengandungi pendekatan pelan perancangan holistik dan

mempunyai ciri-ciri asas kepada pembinaan sesebuah bangunan hijau;

**KETIGA:** Meneruskan **Program Eco-Schools di Melaka** yang melibatkan 131 buah sekolah rendah dan menengah, di mana 17 buah sekolah telah berjaya diiktiraf sebagai *Eco-Schools*. Program ini turut mensasarkan sebanyak 100 buah sekolah untuk menerima **pengiktirafan Green Flag** pada tahun 2022; dan

**KEEMPAT:** Menyediakan **program-program kesedaran hijau** bagi memupuk minat masyarakat tentang penggunaan teknologi hijau. Antaranya, **Program Anugerah Hijau Melaka, Program Pengumpulan Sisa Minyak Masak Terpakai** iaitu **Biodiesel** dan **Program Komuniti Singgit Seposen**.

## **Inisiatif 2: Platform Digital**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

166. Selaras dengan agenda pendigitalan sektor awam, Kerajaan Negeri mengambil langkah **memperluas inisiatif digital**, melalui pelbagai platform, antaranya:

**PERTAMA:** **Gerbang Pembayaran Bersepadu Kerajaan Negeri Melaka** boleh diakses secara atas talian di portal e-Bayar;

**KEDUA:** *MelakaPay* merupakan aplikasi pintar yang menyediakan **22 perkhidmatan** melibatkan **10 agensi** Kerajaan Negeri; dan

**KETIGA:** Kerajaan telah mentransformasi perkhidmatan sedia ada, kepada perkhidmatan secara dalam talian sepenuhnya, atau **E2E**. Sehingga 30 September 2021, sebanyak **307** daripada **353** perkhidmatan *online* atau separa *online* telah disediakan secara E2E.

### **Inisiatif 3: Data Raya Negeri Melaka**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

167. Kerajaan Melaka juga memberi fokus dalam memanfaatkan data bagi menambah baik penyampaian perkhidmatan Kerajaan. Menyedari kepentingan analisis data raya dalam sektor awam, inisiatif Data Raya Negeri Melaka dibangunkan melalui langkah-langkah berikut:

**PERTAMA:** Penubuhan **Majlis Digital Negeri Melaka (MELDiC)** sebagai Majlis Penasihat kepada Kerajaan Negeri dalam merancang hala tuju dan memantau pelaksanaan program digitalisasi;

**KEDUA:** **Mewujudkan *Melaka Digital Command Center* atau (MD2C).** Infrastruktur data raya ini. gdikumpulkan dan dianalisa, bagi membantu kerajaan membuat keputusan



strategik dalam pelbagai aspek digitalisasi berkaitan pelancongan, aduan, pembangunan projek, bantuan awam, serangan siber, keselamatan awam, kesihatan, serta keadaan dan ramalan berkaitan cuaca dan paras empangan atau sungai; dan

**KETIGA: Kolaborasi Kerajaan Negeri dengan MAMPU,** selaku peneraju Data Raya Sektor Awam, telah berjaya menyediakan sembilan *Business Requirement Specification (BRS)* yang akan dijadikan sebagai perintis dalam menyediakan dokumen Pelan Perancangan Pembangunan Data Raya Melakaku Maju Jaya 2021-2035.

## **FOKUS TIGA: KECEKAPAN TADBIR URUS**

### **STRATEGI 1: MENINGKATKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KERAJAAN**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

#### **Inisiatif 1: Tadbir Urus Kerajaan**

168. Bagi memperkasa **tadbir urus yang bersih dan telus**, Kerajaan Negeri komited untuk membudayakan nilai integriti, kebertanggungjawaban dan tata kelola yang baik dalam pentadbiran. Justeru, bagi meningkatkan kecekapan tadbir urus Kerajaan, beberapa inisiatif akan dilaksanakan antaranya:

**PERTAMA:** Kerajaan Negeri prihatin terhadap masalah rakyat di kawasan ADUN Bukan Kerajaan. Peruntukan **100 ribu ringgit setahun untuk setiap ADUN Bukan Kerajaan** yang berjumlah **700 ribu ringgit;**

**KEDUA:** Meminda Perlembagaan Negeri untuk melantik **5 orang ADUN Tambahan termasuk wakil belia dan NGO;**

**KETIGA:** **Mewujudkan Dewan Undangan Negeri Belia Melaka** bagi memastikan penglibatan belia menggubal dasar dan polisi;

**KEEMPAT:** Meminda peraturan dan undang-undang di bawah Kerajaan Negeri untuk memudahkan urusan **permohonan dan kelulusan lesen perniagaan;** dan

**KELIMA:** Mengkaji semula **pekeliling dan proses kerja berkaitan urus niaga tanah** untuk mempermudah urusan rakyat.

## **Inisiatif 2: Kebajikan Penjawat Awam Negeri Melaka Dan Anak Kelahiran Melaka**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

169. Kerajaan Negeri turut menyediakan inisiatif bagi menghargai *frontliners*, penjawat awam dan anak Melaka pada tahun 2022 seperti berikut:

- PERTAMA:** Menyediakan peruntukan berjumlah **300 ribu ringgit** bagi **penjawat awam negeri Melaka** untuk mengikuti **kursus profesional jangka pendek** dengan badan-badan latihan yang diiktiraf lagi terkemuka;
- KEDUA:** Keutamaan ke atas permohonan **pemilikan tanah** oleh **frontliners Kerajaan Negeri**;
- KETIGA:** Meneruskan tawaran **diskaun bagi kos rawatan berkaitan COVID-19 di Putra Specialist Hospital negeri Melaka**, buat **frontliners Kerajaan Negeri**;
- KEEMPAT:** **Pemberian elaun khas kepada frontliners** di bawah PBT, tertakluk kepada situasi COVID-19;
- KELIMA:** Menawarkan **diskaun 10 peratus bagi kemasukan ke tempat dan kemudahan pelancongan di Melaka**, buat **penjawat awam dan anak kelahiran Melaka**; dan
- KEENAM:** Menawarkan **diskaun bagi bayaran rawatan di Putra Specialist Hospital** buat **penjawat awam dan anak kelahiran Melaka**.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

170. Bagi menghargai jasa dan pengorbanan penjawat awam Negeri Melaka yang telah menggalas tanggungjawab menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat dalam tempoh mencabar ini, sukacita Kerajaan Melaka umumkan, **Bantuan Khas Kewangan sebanyak setengah bulan gaji dan minimum seribu ringgit berdasarkan gaji terakhir bulan Disember 2021** untuk semua penjawat awam negeri Melaka yang **akan dibayar pada Januari dan April 2022**. Bantuan khas ini melibatkan implikasi kewangan sebanyak 6.63 juta ringgit.
171. Semoga dengan imbuhan ini semua penjawat awam negeri Melaka akan lebih komited terhadap tugas masing-masing dan sentiasa meningkatkan serta menambah baik mutu penyampaian perkhidmatan untuk rakyat Melaka di samping memastikan integriti sebagai penjawat awam terus dipelihara.

## **PENUTUP**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian,

172. Atas segalanya, bagai *di-ngobrol* atau bicara oleh Presiden Indonesia Pak Jokowi bahawa, **“Jika bisa dipermudah, mengapa mau dipersusah, jika bisa dipercepat, ngapain harus diperlambat?”**

**Pokoknya, langsung aja kerjanya...**

173. Paling penting, segala apa yang kita rancang dan rencana, kita mesti pastikan ia dilaksanakan segera dengan jayanya atau *tagline* kita, **‘Get It Done, Bagi Jadi, Kasi Jadi.’**

174. Akhir kalam, menjengah ke hadapan, **ayuhlah kita seiya sekata, kita kukuhkan muafakat perpaduan,... bak dimadah oleh Buya HAMKA, “kita besarkan keyakinan, kita teguhkan iman, kita percaya zaman hadapan penuh pengharapan.”**

**Mustahaknya,...**

**Melaka Rumahku Negeri Lestari diperkasakan,...**

**Pelan Strategik Melakaku Jaya 2035 dan Akujanji 5 Tahun “Kestabilan Demi Kemakmuran” direalisasi serta dikotakan,...**

**Transformasi Sejahtera 2035 atau TS35 kita jayakan,... demi menjulang Melaka, sebagai Pusat Perdagangan dan Pelancongan Tersohor Dunia! InsyaAllah.**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

175. Lantas, berbekalkan surah **Al-Anbiya, ayat 79**, bagi memudah kefahaman dan kelancaran, saya pohon semua, marilah kita bermunajat serta berdoa, agar Allah SWT merestui dan memberkati segala ikhtiar murni kita.

فَفَهَّمْنَهَا سُلَيْمَانَ وَكَلَّمْنَا حُكْمًا وَعِلْمًا وَسَخَّرْنَا مَعَ دَاوُدَ  
الْجِبَالَ يُسَبِّحُنَ وَالطَّيْرَ وَكُنَّا فَاعِلِينَ ﴿٧٩﴾

*Fafah-hammaa-haa Sulaiman, Wakul-lan Aa-tainaa huk-  
maan wai'l-ma, wasogh-khar-naa maa' dawuu-dalji-baala  
yusab-bihna wat-thoir, Wakun-naa Faa-I'-liinn.*

**Ya Allah Ya Tuhan kami,**

**Kau kurniakanlah, kelancaran kepada kami, dalam  
menunaikan amanahmu untuk mentadbir Negeri Melaka,  
khususnya bagi melaksanakan Bajet 2022 ini dengan  
jayanya.**

**Ya Allah Ya Fattahu Ya A'lim,**

**Kau anugerahkanlah kesembuhan, kestabilan,  
kemakmuran dan kesejahteraan kepada Negeri Melaka  
serta sekalian rakyatnya,**

**Ya Allah Ya Zal- Jalali Wal Ikram,**

**Kau satukanlah hati kami, atas lembayung Keluarga  
Melaka, dalam membahagiakan rakyatnya, aman damai,  
makmur sentosa, sejahtera buat selama-lamanya.**

**Kau Perkenankanlah doa kami Ya Allah,  
Kau Permudahkan semua pekerjaan,  
Kepadamu Ya Allah, kami kembalikan segala urusan.**

**Amin Ya Rabbal A'lamin.**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

177. Atas hakikat itulah, dalam Dewan yang mulia ini, saya mohon Ahli-Ahli Yang Berhormat semua, untuk mendokong dan menyokong bagi menjayakan Bajet 2022 yang inklusif lagi komprehensif ini.

Moga-moga perkhabaran baik buat rakyat negeri Melaka ini dizahirkan menjadi nyata, demi kesejahteraan bersama.

**Stabil Melaka Makmur Bersama.**

*Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabakatuh.*

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

Saya mohon mencadangkan.